

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU



PERALIHAN RAJA PAYUNGI JELATA

►► 2

Transisi 66 tahun sistem penggiliran YDPA

Lembaran baharu untuk rakyat Malaysia

AZLAN ZAMBRY

RAJA Berpelembagaan yang diamalkan di negara ini tidak hanya sekadar simbol semata-mata, sebaliknya ia merupakan penyelamat negara tatkala ia berada dalam krisis.

Transisi yang diamalkan sejak 66 tahun lalu melalui sistem penggiliran Yang di-Pertuan Agong (YDPA) melibatkan sembilan Raja-Raja Melayu ini tidak sekadar memaparkan tradisi dan keunikan sahaja bahkan ia sifat pemimpin memayungi rakyat jelata sejak dari zaman berzaman.

Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mengakhiri tugas pada 30 Januari lalu telah mengemudi negara selama lima tahun menyaksikan pelbagai konflik dan cabaran yang menguji keutuhan dan kepintaran baginda dalam meleraikan kekusutan demi rakyat jelata.

Sebaik dilantik sebagai Sultan Pahang menggantikan ayahanda baginda yang gering, Al-Sultan Abdullah yang hanya berpengalaman selama 15 hari sebagai Sultan dipilih sebagai YDPA menggantikan Sultan Muhammad V yang meletak jawatan.

Rentetan daripada itu, bermula tugas mengemudi negara sehingga tercetusnya konflik politik menerusi peletakan jawatan Perdana Menteri ketujuh yang ketika itu disandang oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang berlarutan sehingga selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu.

Ketika pemerintahan Al-Sultan Abdullah, pelbagai konflik dirakam



PENGALAMAN luas Sultan Ibrahim menjadi panduan dalam memerintah negara. Foto: JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

yang kesemuanya menuntut peranan berhikmah dalam menangani kegusaran awam. Ia bermula dengan konflik politik, penularan wabak pandemik COVID-19, kemuncupan sektor ekonomi sehingga rakyat jelata mengibarkan bendera putih. Baginda juga merupakan Yang di-Pertuan Agong pertama yang tidak mengambil gaji disebabkan situasi rakyat yang tidak menentu kesan daripada pandemik.

Perwatakan yang tenang serta

pendekatan berhikmah telah berjaya mengurangkan konflik. Natiyah daripada kebijaksanaan baginda dalam menamatkan simpang siur politik negara pasca PRU-15 lalu dengan mencadangkan penubuhan Kerajaan Perpaduan sebagai alternatif selepas mengambil kira negara perlu diurus dan dirawat sebaiknya.

Rentetan itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipilih sebagai Perdana Menteri selepas Mesyuarat

Khas Raja-Raja Melayu sekali gus menamatkan kebuntuan politik. Kebijakan baginda dalam menguruskan konflik juga terserlah apabila bertitah semasa pembukaan penggal baharu parlimen ke-15 pada Februari 2023 yang lalu untuk tidak lagi melayani karenah ahli politik yang berebut kuasa demi melihat negara perlu segera diperbaiki dan dibangunkan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat jelata.

Terbaharu bermula Rabu lalu,

di bawah pemerintahan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, Malaysia dilihat berkeupayaan menempa lebih banyak kejayaan khususnya dalam membangunkan ekonomi negara.

Sultan Ibrahim yang berperwatakan tegas serta terkenal dengan sikap berterus terang demi kesejahteraan rakyat telahpun memberi amaran kepada ahli politik agar menumpukan tugas yang diamanahkan untuk membantu rakyat berbanding bercakaran sesama sendiri.

Baginda diputerakan pada 22 Nov 1958 di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, dimasyhurkan sebagai Sultan Johor pada 23 Jan 2010 selepas kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar, dan dimahkotakan pada 23 Mac 2015, berkahwin dengan Raja Permasuri Agong, Raja Zarith Sofiah dan dikurniakan enam cahaya mata.

Sebagai Sultan Johor, baginda amat terkenal sebagai seorang Sultan yang berjiwa rakyat, mempunyai sifat kasih sayang yang tinggi terhadap rakyat malah amat prihatin dengan situasi semasa dan cabaran hidup hari ini.

Baginda juga tidak kekok untuk mendampingi rakyat jelata bahkan sering menasihati semua pihak khususnya rakyat supaya mengutamakan perpaduan yang menjadi tunjang kemakmuran Negeri Johor.

Latar belakang pendidikan serta pengalaman luas baginda menjadi panduan dalam memerintah negara ini bahkan rakyat akan menikmati kesejahteraan seperti yang baginda inginkan. **WK**

Warga kota disaran beri cadangan PTKL 2040

WARGA kota disaran untuk memberi cadangan berhubung Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) bagi memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberi perhatian sepenuhnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pelan itu dirangka bagi memastikan segala yang dirancang untuk Kuala Lumpur mendapat input daripada warga kota serta semua pemegang taruh.

"Kita akan memulakan sesi pendengaran awam dan kita juga akan pergi ke beberapa kawasan untuk memastikan orang ramai tahu tentang PTKL 2040. Susulan itu, mereka boleh memberikan pandangan serta input kepada pihak kami," katanya selepas merasmikan Majlis Peluncuran Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Draf PTKL2040) di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

baru-baru ini.

Tambah Zaliha, selepas sesi pengemukaan pandangan dan cadangan Draf PTKL2040 selesai, ia dijangka akan diwartakan pada suku pertama tahun 2025 selepas penelitian oleh Lembaga Penasihat Perancangan peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan.

Jelas Zaliha, sebarang cadangan atau pandangan boleh dikemukakan di lokasi pameran atau di laman sesawang sesawang <https://ppkl.dbkl.gov.my/e-pandangan/>.

"Kami akan buka ruang untuk orang ramai beri pandangan selama satu hingga tiga bulan. Kami akan lihat semua perkara yang dibangkitkan kemudian barulah digazetkan pada tahun 2025.

"Saya berharap, semua dapat memainkan peranan bagi memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberi perhatian yang sewajarnya," katanya.

Draf PTKL 2040 merupakan



ZALIHA selepas merasmikan Majlis Peluncuran Draf PTKL 2040 pada Selasa.

kerangka utama terhadap pelan pembangunan Kuala Lumpur yang disediakan bagi menterjemah visi serta matlamat yang digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023.

Ia secara khusus memberikan penekanan terhadap perancangan

cadangan zon guna tanah dan intensiti pembangunan secara spesifik ke atas setiap lot tanah di Kuala Lumpur.

Orang ramai boleh menyemak draf PTKL 2040 bermula 31 Januari 2024 sehingga 1 Mac 2024, di Menara DBKL 1 dan 3 serta di pameran bergerak yang bakal diadakan di 11 kawasan

parlimen di Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata, pada tahun 2024, Kuala Lumpur tersenarai di kedudukan ke-18 bandar raya terbaik dunia berdasarkan Britons Ranking.

Malah menurutnya, Kuala Lumpur juga diiktiraf di kedudukan kelapan bandar yang paling suka didiami oleh ekspatriat mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Forbes dan di tangga keenam untuk bandar paling ramai pengunjung berdasarkan kajian Indeks Bandar Destinasi Global yang dijalankan oleh pihak MasterCard.

"Pencapaian ini menunjukkan bahawa Kuala Lumpur telah berkembang pesat di persada antarabangsa. Namun begitu, kita tak boleh berasa selesa dengan pencapaian yang kita kecapai ini.

"Banyak penambahbaikan perlu dilaksanakan untuk memastikan Kuala Lumpur ini kekal sebagai bandar untuk semua dan terus berdaya huni," ujarnya. **WK**

Sektor awam bakal lebih daya saing

RANCANGAN kerajaan untuk melaksanakan reformasi bayaran pencen pesara kerajaan bertujuan bagi memastikan pasaran pekerjaan di sektor awam lebih berdaya saing.

Bercakap mengenai perkara tersebut, Ketua Penganalisis Ekonomi, Bank Muamalat Malaysia, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata secara idealnya skim pekerjaan yang baharu bakal menggunakan pakai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlulah diberi gaji yang kompetitif termasuk faedah lain yang munasabah.

“Sistem pemberian bonus juga perlu bersandarkan budaya berprestasi tinggi atau high performance culture selain mereka juga boleh membuat keputusan untuk berpindah ke sektor swasta sekiranya merasakan gaji yang dibayar adalah

lebih kompetitif di sektor tersebut,” kata beliau.

Jelas Mohd Afzanizam, perkara tersebut akan memberi suatu insentif kepada kerajaan untuk merangka skim pekerjaan yang menarik dari sudut tangga gaji, peluang untuk kenaikan pangkat dan pemberian bonus.

Menurut Mohd Afzanizam sekiranya kerajaan melaksanakan dasar baharu itu, ia akan memberi impak positif terhadap ekonomi negara.

“Memandangkan KWSP akan mempunyai kecairan dana yang lebih untuk dilaburkan ke dalam dan luar negeri ia dapat mengimbangi antara aset dan liabiliti sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi untuk negara,” ujar beliau.

Kata Mohd Afzanizam, jumlah perbelanjaan mengurus dan

pertumbuhan perbelanjaan terhadap pencen dan gratuiti ini meningkat pada kadar 8.4 peratus setahun iaitu daripada tahun 2012 sehingga tahun 2022.

“Sekiranya kita mengambil angka pertumbuhan ini, perbelanjaan terhadap pencen dan gratuiti boleh mencecah hampir RM60 bilion pada tahun 2030 iaitu hampir dua kali ganda daripada tahun 2022,” katanya.

Tambah beliau, Malaysia dijangka akan mencapai populasi negara menua pada tahun 2030 apabila rakyat yang berumur 60 dan ke atas dijangka mencecah 15.3 peratus atau hampir lima juta orang.

Justeru itu katanya, berdasarkan kepada situasi tersebut, ia akan memberi tekanan kepada pungutan cukai pendapatan individu kerana ramai tidak membayar disebabkan ramai yang akan bersara disamping perbelanjaan terhadap pencen dan kesihatan dijangka akan meningkat. **WK**



MOHD AFZANIZAM

Reformasi sistem pencen

Reda tekanan fiskal negara

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN wajar melaksanakan reformasi dalam pembaharuan pencen perkhidmatan awam bagi meredakan tekanan fiskal negara serta memastikan ekonomi terus berkembang dan dalam masa sama kualiti perkhidmatan sektor awam perlu dipertingkatkan.

Menurut Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, **Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid**, Kerajaan Persekutuan berdepan dengan perbelanjaan pencen yang semakin meningkat setiap tahun dan perbelanjaan mengurus (*opex*) terus meningkat pada kadar yang tidak mampan disebabkan ia dibayar terus daripada hasil kerajaan sekali gus memberi cabaran besar dalam masa terdekat.

“Berdasarkan rekod kerajaan dianggarkan 32,000 pesara baharu setiap tahun dan kerajaan membelanjakan RM31 bilion untuk pencen lebih 900,000 pesara, termasuk badan berkanun dan Tabung Angkatan Tentera.

“Pada 2010, RM58.2 bilion atau 38.4 peratus daripada jumlah operasi kerajaan sebanyak RM151.6 bilion digunakan untuk gaji



PEMBAHARUAN pencen penjawat awam dilihat mampu memastikan ekonomi berkembang.

dan faedah pekerja sektor awam.

“Jumlah itu meningkat kepada 52.3 peratus atau RM114.9 bilion menjelang 2021, dan dijangka meningkat kepada RM115.2 bilion pada 2022 (40.5 peratus) dan RM119.8 bilion pada 2023 (44 peratus),” kata beliau.

Tegas beliau, sekiranya kerajaan melaksanakan sistem kontrak baharu penjawat awam maka ia perlu merombak keseluruhan pakej imbuhan pada masa ini.

“Kakitangan baharu menyertai kerajaan sebelum ini untuk pakej jangka panjang terutamanya pencen, pinjaman dan faedah perubatan kini perlu

mengambil kira pakej yang sama di sektor swasta.

“Pakej itu yang biasanya mempunyai struktur gaji, faedah imbuhan dan potongan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang lebih tinggi.

“Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu memberi imbuhan yang adil kepada pasukan polis, angkatan tentera dan komuniti guru yang membentuk kumpulan terbesar dalam senarai pergajian kakitangan kerajaan,” katanya.

Jelas Aimi Zulhazmi, struktur gaji semasa di jawatan kerajaan berkemungkinan lebih rendah daripada sektor swasta terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC).

“Justeru itu, ia juga akan menjadi persaingan yang lebih besar bagi kerajaan

untuk menarik bakat terbaik daripada pasaran buruh.

“Oleh itu, dengan memadankan gaji sektor swasta, jumlah gaji baru yang dinaikkan untuk kakitangan kerajaan akan memberi impak segera dari segi kos permulaan dengan penjimatan hanya direalisasikan dalam jangka masa panjang,” katanya sambil menambah, pelarasan moral juga perlu merapatkan jurang antara kumpulan baharu dan sedia ada.

Tegas beliau, reformasi sistem pencen ini bukan sahaja mengenai gaji yang kompetitif sebaliknya ia turut merangkumi faedah sampingan.

“Kemajuan kerjaya dan pakej persaraan, semuanya mesti dikaji dengan teliti untuk menarik bakat terbaik bekerja untuk negara” ujar beliau. **WK**



AIMI ZULHAZMI

Reformasi pencen 10 negara maju

BANYAK negara maju telah melakukan pembaharuan pencen perkhidmatan awam sebagai tindak balas kepada pelbagai cabaran seperti perubahan demografi, tekanan fiskal, dan keadaan ekonomi yang berkembang. Butiran khusus dan masa pembaharuan ini berbeza-beza di seluruh negara. Berikut adalah contoh beberapa negara maju yang telah melaksanakan pembaharuan sistem pencen perkhidmatan awam.



Amerika Syarikat telah melihat pembaharuan di peringkat negeri dan persekutuan. Sesetengah negeri telah beralih kepada pelan caruman hibrid atau ditakrifkan untuk pekerja baharu, dan terdapat perbincangan tentang potensi pembaharuan kepada sistem persaraan perkhidmatan awam persekutuan.



Pelbagai wilayah di Kanada telah menjalani pembaharuan pencen perkhidmatan awam. Sebagai contoh, pembaharuan di wilayah seperti Ontario dan Quebec telah melibatkan pelarasan pada kadar caruman, formula faedah dan umur persaraan.



Australia telah melaksanakan pembaharuan kepada skim pencen sektor awamnya. Pembaharuan ini melibatkan perubahan pada kadar sumbangan, struktur manfaat dan kriteria kelayakan. Matlamatnya adalah untuk memastikan kemampanan sistem pencen.



Belanda telah melihat pembaharuan kepada sistem pencen perkhidmatan awamnya, termasuk perubahan pada umur persaraan dan pelarasan kepada pengiraan faedah pencen. Negara itu juga telah memperkenalkan langkah untuk menangani kemampanan kewangan sistem pencennya.



Jerman telah melakukan pembaharuan kepada sistem pencen untuk penjawat awam di peringkat persekutuan dan negeri. Pembaharuan ini selalunya melibatkan perubahan pada kadar sumbangan, pengiraan faedah dan kriteria kelayakan.



Sweden membuat pelarasan kepada sistem pencen perkhidmatan awamnya sebagai sebahagian daripada pembaharuan pencen yang lebih meluas. Perubahan ini bertujuan untuk memastikan kemampanan jangka panjang sistem pencen dan mungkin termasuk pengubahsuaian kepada tahap manfaat dan umur persaraan.



Norway menjalankan pembaharuan kepada Kumpulan Wang Pencen Kerajaan, yang merangkumi pengaturan pencen untuk kakitangan awam. Perubahan mungkin termasuk pelarasan kepada kadar sumbangan dan strategi pelaburan untuk menangani kemampanan fiskal.



Jepun telah mempertimbangkan pembaharuan kepada sistem pencen sektor awamnya sebagai tindak balas kepada cabaran demografi dan tekanan fiskal. Perubahan yang berpotensi mungkin melibatkan pelarasan pada kadar sumbangan dan kriteria kelayakan.



Singapura mengalami pembaharuan dalam sistem pencen perkhidmatan awamnya sekali gus beralih daripada model Faedah Tertakrif kepada model Sumbangan Tertakrif untuk penjawat awam baharu. Perubahan ini adalah sebahagian daripada usaha yang lebih meluas untuk meningkatkan kemampanan sistem pencen.

Anwar arah Menteri bukan Melayu sertai KEB 2024

Tangani isu ekonomi rentas kaum

PENDEKATAN baharu yang disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 dihadiri anggota Kabinet bukan Melayu adalah suatu perkara yang perlu disambut baik.

Ini kerana rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang kaya dengan kepelbagaian budaya, agama dan bangsa sekali gus ia menjadi satu tarikan kepada seluruh dunia.

Namun disebalik saranan PM, ada pula pihak yang tidak berpuas hati dan menganggap ia merupakan permulaan atau tanda-tanda Anwar mula membawa masuk secara halus kaum lain ke dalam kongres yang dijadual berlangsung pada 29 Februari hingga 2 Mac depan.

Di sebalik rungutan dan kecaman yang tidak masuk akal tersebut, kita sepatutnya cuba melihat ke arah perkara yang lebih positif daripada terus-terusan menecam apa yang dilakukan.

Tidak perlu terlalu meributkan keadaan kerana dengan tindakan yang tidak matang seperti ini hanya akan memburukkan situasi dan dalam masa yang sama membawa impak negatif kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Jika dilihat daripada satu sudut, penglibatan kongres ini lebih menyeluruh kepada semua kaum, maka ia dapat membawa kepada penyelesaian yang lebih baik berbanding sebelum ini.

Apa yang pasti dan jelas



ANWAR (kanan) sentiasa memberi tumpuan terhadap soal ekonomi rakyat di negara ini. -Gambar hiasan

Anwar mengambil berat dan memperjuangkan ekonomi Bumiputera khususnya orang Melayu dan beliau secara tidak langsung mahukan hala tuju dan pandangan yang bernas.

Memetik ucapan beliau pada Konvensyen Kerajaan Perpaduan Peringkat Negeri Perak Tahun 2024 baru-baru ini, tujuan langkah tersebut dilakukan bukanlah mahu mengutamakan Cina sebaliknya agar isu ekonomi ditangani secara bersama merentas etnik dan kaum.

"Jadi saya mahu dengan Malaysia baru ini, masalah India dan Cina adalah masalah kita

Begitu juga masalah Iban, Dayak dan masalah bumiputera menjadi masalah kaum lain di Malaysia. Agenda membantu bumiputera ini ada kesan dan kelainan yang unik.

"Ia mesti ditangani dengan bijaksana dan dijadikan agenda bersama dengan menekankan beberapa pendekatan baru," kata beliau ketika berucap di Pusat Konvensyen Casuarina, Perak.

Justeru kata beliau, pendekatan itu harus diterima secara berani oleh BN dan PH terutama UMNO, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mewakili parti Melayu.

Terdahulu, KEB akan menumpukan 10 kluster utama antaranya reformasi pendidikan dan modal insan, pengukuhan industri halal, ekonomi bumiputera Sabah, ekonomi bumiputera Sarawak dan penguasaan teknologi baharu. **WK**

PM tidak layan tuduhan eksploitasi SPRM

PELBAGAI tuduhan tidak berasas membanjiri laman sosial mengatakan kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba menutup kegagalan pentadbiran dan kelemahan ekonomi negara dengan mengheret musuh-musuh politiknya ke muka pengadilan.

Tuduhan terhadap Anwar ini timbul susulan tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan ke atas individu bergelar Tun baru-baru ini.

Tampil merungkai persoalan yang sengaja ditimbulkan oleh pihak yang tidak berpuas hati dengan Anwar, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil menegaskan pihak kerajaan tidak mencampuri urusan SPRM malah pihak tersebut bebas melakukan siasatan yang dirasakan wajar.

"Perdana Menteri telah beberapa kali menyatakan bahawa beliau tidak mengeluarkan apa-apa arahan kepada SPRM. Terserah kepada SPRM untuk ambil sebarang tindakan yang berlandaskan undang-undang dan dirasakan perlu serta wajar untuk diambil," ujarnya.



SPRM bebas mengambil sebarang tindakan yang dirasakan wajar. -Gambar hiasan

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Pakej P-Hailing Rahmah di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, beliau yang juga Menteri Komunikasi menafikan bahawa siasatan oleh SPRM ke atas ahli keluarga bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bermotifkan dendam semata-mata.

"Saya tidak rasa ia sebagai isu politik atau dendam dan Perdana Menteri dah katakan beberapa kali tiada yang bersifat peribadi tentangnya. Jika ada sebarang perkara melibatkan harta, wang rakyat, maka ada hak untuk kerajaan teliti dan ia diguna pakai kepada semua pihak, bukan individu sahaja," ujar beliau.

Sebelum ini, Anwar

menyarankan masyarakat termasuk pemimpin di negara ini agar terus memberikan sokongan dalam penyiasatan melibatkan orang kaya termasuk individu bergelar Tun.

Walau bagaimanapun Anwar dilihat tidak melayan fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada beliau dan sentiasa fokus dengan agendanya mereformasi ekonomi negara bermula dengan golongan kurang berkemampuan.

Malah, beliau sempat turun padang ke Mydin di Meru, Ipoh bagi melihat sendiri kesedaran dan impak Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang diumumkan baru-baru ini.

SARA membantu menambah kuasa beli kepada mereka yang memerlukan bagi mendapatkan barang-barang asas dari rangkaian rakan runcit dengan lebih 500 kedai terlibat di seluruh negara.

Ini jelas menunjukkan PM sentiasa cakna dengan rakyat dan dalam masa yang sama mengharapkan sokongan rakyat agar terus bersatu padu membawa perubahan terutama aspek tatakelola. **WK**

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

31/10/23-20/1/24: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

19-23/2/24: Kem Muzik Remaja 2024 @ Auditorium DBKL

21/2-4/3/24: Ini Kraf Malaysia @ Hari Kraf Kebangsaan 2024

2/3/24: Marhaban Ya Ramadhan 2024 @ Auditorium DBKL



PUTRAJAYA

1-4/2/24: Putrajaya Open Day 2024

1-4/2/24: Kee Nguyen Vietnam's Finest Coffee @ Kompleks PPj

3/2/24: Pertandingan Melukis Doodle @ Dewan Seri Siantan

3/2/24: Kayuhan Ceria Komuniti Putrajaya 2024

3-4/2/24: Senamrobik bersama Cikgu Laili @ Dataran Putrajaya



LABUAN

1-29/2/24: Karnival Beli Belah @ Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

4/2/24: Futsal Tournament V12 (Girl) @ Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Labuan

Adam Adli tekad perjuang nasib anak muda

SEPANJANG setahun bergelar Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim dilihat proaktif menggalas tugas berat dalam mengembalikan semula sokongan anak muda yang agak kritikal terhadap kerajaan sebelum ini.

Meskipun menjengah dunia pentadbiran pada penggal pertama, kemunculan beliau memberi nafas baharu terutama mengemblem tenaga dalam usaha menyahut rungutan anak-anak muda yang memerlukan pembelaan.

Figura yang berpengalaman sebagai aktivis pelajar dan rakyat ini menyatakan kesediaan menjadi tali penghubung antara anak muda dengan kerajaan. Wartawan Kanan Wilayahku, AZLAN ZAMBRY bersama dengan Jurufoto, Muhammad Syuqqree Dain serta Juruvideo, Ahmad Hasif Halimi yakin bahawa bakat dan potensi anak muda ini dapat digilap sesuai dengan pendekatan Malaysia Madani.

Sepanjang lebih satu tahun sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta Ahli Parlimen, apakah dapatan YB mengenai keseluruhan pembangunan sukan dan belia negara kita?

Untuk tempoh satu tahun Kerajaan Perpaduan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi saya masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan.

Menggalas tanggungjawab ini bukan mudah kerana ia adalah amanah yang dipikul. Pertama sekali ia telah membuka banyak ruang kepada pelbagai pihak yang datang untuk memberikan input, informasi dan bimbingan yang sedikit sebanyak saya dapat belajar terutama melibatkan portfolio di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Ia agak mencabar dan menarik yang saya kira dalam tempoh setahun ini, banyak yang boleh dijadikan bekalan untuk tahun-tahun akan datang dan ada banyak lagi usaha yang digerakkan melibatkan lebih banyak stakeholder.

Bagaimana YB melihat potensi pembangunan sukan kita?

Pembangunan sukan dan belia dalam negara ini agak unik. Pertamaanya kita kena bahagikan kepada dua perkara berbeza. Kita banyak berurusan dengan persatuan-persatuan sukan dan matlamatnya jelas iaitu untuk melihat pencapaian negara dalam temasya atau kejohanan antarabangsa.

Bagi memastikan adanya program-program yang berbentuk sokongan kepada atlet yang mewakili negara baik dari segi latihan, pendedahan dan penyertaan dalam kejohanan yang berbeza, kita perlu bijak dalam mengagihkan dana dan sumber. KBS turut mempunyai program pembangunan sukan dari peringkat akar umbi. Menerusi dasar pada tahun 2023, kita wujudkan Dana Sukan Komuniti yang membuka peluang kepada penggiat sukan di peringkat tersebut untuk mendapatkan dana bagi menganjurkan kegiatan sukan sama ada pertandingan mahupun

aktiviti sukan pilihan masing-masing.

Bagaimana YB melihat pembangunan belia yang boleh dikatakan hampir 40 peratus daripada populasi negara kita?

Belia pula berbeza. Ia kumpulan yang sangat luas dan Malaysia telah mencatatkan lebih sembilan juta golongan belia dalam kalangan umur 15 hingga 30 tahun. Itupun segmen umur yang saya kira dalamnya ada jurang generasi dan setiap mereka ada keperluan dan kepentingan yang berbeza.

Kita kena faham program yang dibentuk pula tidak boleh menggunakan kaedah one size for all dan tidak boleh pukul rata kerana ia berbeza. Kadar umur 15 tahun programnya perlu lebih kepada bimbingan dan latihan, 20 tahun ke atas adalah pembangunan belia dan pada umur 30 tahun ini, kita membuka peluang mengasah kepimpinan dan keupayaan mereka. Ini menuntut kita menyemak semula semua jenis program yang diwujudkan di bawah KBS.

Sokongan orang muda terhadap kerajaan sangat kritikal dan diterjemahkan melalui peti undi, bagaimana KBS mendepani situasi ini supaya golongan ini lunak kepada kerajaan?

Kita semua pernah muda, kita sendiri dan sesiapa pun mempunyai pengalaman dari segi politik sama ada menyokong kerajaan atau pembangkang. Dari sudut permukaan, selalunya persepsi golongan belia sukar untuk bersama kerajaan dan cenderung untuk membangkang.

Ini adalah soal jangkaan. Kehendak dan harapan yang diletakkan kepada satu-satu situasi yang mereka hendak lihat dasar yang bagaimana disediakan oleh kerajaan terhadap mereka.

Sebab itu bagi KBS, yang paling utama kita perlu terus menyantuni dan memastikan golongan-golongan yang memerlukan sama ada yang berada di dalam sistem dan luar



sistem. Kita perlu cari jalan dengan kumpulan suara mereka dan terjemahkan untuk menjadi dasar dan polisi.

Isu melibatkan dasar gaji yang munasabah, jaminan pekerjaan dan peluang-peluang lain sering ditimbulkan, bagaimana KBS dapat membantu mereka untuk meraih perkara tersebut?

Paling utama adalah bagaimana untuk menzahirkan perkara yang kita letak menjadi harapan oleh golongan muda. Pelaksanaan kepada satu-satu dasar itu juga turut mengambil masa yang agak lama untuk kita dapatkan hasil. Sebab itu kita perlu bimbing dan beri kesedaran tentang pelaksanaan dasar tersebut yang perlu diuruskan.

Ada banyak isu merangkumi golongan muda yang tidak boleh diletak ketepi. Di saat kita boleh rancang program berbentuk pendidikan, peluang keusahawanan dan pekerjaan, isu ini masih berkait dengan keupayaan mereka untuk pendapatan yang stabil, jaminan masa hadapan termasuklah perumahan dan pekerjaan.

Ia menuntut seluruh kerajaan bekerjasama dengan baik dan dasar-dasar yang tidak hanya terarah kepada sesuatu kelompok sebaliknya harus memikirkan juga kelangsungan satu-satu dasar yang diperkenalkan itu hanya memberikan keuntungan kepada satu-satu kelompok sahaja atau boleh menyediakan ruang dan masa depan yang lebih selesa kepada belia.

Misalnya masalah gaji, kita

tidak boleh membiarkan mereka bergantung kepada dasar gaji minimum semata-mata sebaliknya sebagai tanggungjawab kolektif, kita telah mulakan beberapa dasar seperti Dasar Gaji Progresif yang diperkenalkan dan ini adalah perkara-perkara yang bukan hanya memberi kelebihan kepada belia sedia ada sebaliknya belia yang bakal memasuki alam pekerjaan.

Apakah cabaran YB untuk mengatasi masalah golongan belia yang keciciran dalam pendidikan dan juga alam pekerjaan?

Golongan ini kita sebutkan sebagai not in education, not in training (NENT), selalunya mereka ini setelah tamat persekolahan memilih untuk tidak menyambung pengajian dan memilih untuk bekerja sendiri dan kalaupun masuk ke alam pekerjaan ramai yang memilih untuk menyertai sektor ekonomi gig. Berbanding dengan golongan belia lain yang menyambung pengajian dan memasuki alam pekerjaan mengikut aturan biasa.

Tetapi cabaran utama adalah untuk bagaimana meyakinkan mereka untuk menyertai laluan kerjaya yang mempunyai pertumbuhan kerjaya (career growth) dan akhirnya berjaya mengharungi alam pekerjaan yang mempunyai laluan kerjaya yang cerah.

Oleh sebab itu, kita mengalu-alukan penyertaan golongan ini untuk menyertai kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ada pelbagai cabang dan ia dapat

membantu mereka meningkatkan jati diri dan juga mempunyai laluan kerjaya yang baik.

YB ada menyentuh mengenai rungutan pekerja ekonomi gig mengenai imbuhan yang diterima dan KBS pernah menawarkan latihan susulan bagi reskilling untuk membantu mereka, adakah tawaran tersebut disambut?

Di KBS, kami ada menyediakan latihan kemahiran melalui Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang mempunyai tiga matlamat utama iaitu Keutamaan kepada Belia, Pendedahan Keusahawanan dan Pembangunan Bina Insan.

ILKBS ini bertujuan untuk menyediakan peluang latihan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada belia lepasan sekolah mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma dan Diploma Lanjutan. Sehingga hari ini, terdapat 22 ILKBS di serata Malaysia yang merangkumi Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

Konsep latihan yang diberikan kepada pelajar terbahagi kepada 80 peratus latihan dan 20 peratus kepimpinan, keagamaan dan kerohanian, keusahawanan serta sukan dan rekreasi. Antara kemudahan yang disediakan di ILKBS adalah elaun, penginapan dan makanan serta fasiliti yang moden seperti perpustakaan, kemudahan sukan dan riadah, makmal serta bengkel yang lengkap.

Program Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur Inisiatif baharu dekati warga kota

HAZIRAH HALIM

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan menjaga kelestarian masyarakat di Kuala Lumpur yang kini sudah mencecah kira-kira 1.96 juta penduduk.

Dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota, DBKL secara berterusan menambahbaik kualiti perkhidmatannya bagi memastikan masyarakat dapat hidup dengan selesa dan selamat menerusi pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang disediakan serta disebarluaskan melalui pelbagai medium.

Untuk itu, bagi memperkukuh hubungan di antara DBKL dengan warga kota, pihak pengurusan DBKL memutuskan untuk menganjurkan dua program touch point iaitu Program Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur di mana ia merupakan program utama sepanjang tahun 2024.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman** berkata Program Temu DBKL akan diadakan pada setiap bulan pada hari Sabtu di lokasi-lokasi yang berbeza di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur mengikut tarikh yang akan dimaklumkan sementara Program Teh Hijau Kuala Lumpur yang berkonsepkan Hijau Rendah Karbon itu akan berlangsung di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur dengan kekerapan satu kali sebulan.

“Melalui program seumpama ini, DBKL dapat menyebarkan kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh kesemua 25 Jabatan di DBKL.

“Ia merupakan salah satu aktiviti penjenamaan semula DBKL melalui program berbentuk komuniti yang diadakan bertujuan untuk mendekatkan DBKL dengan warga kota secara fizikal disamping meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan.

“Selain itu, ia juga dapat meningkatkan reputasi dan kepercayaan warga kota terhadap



PROGRAM Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur platform dekati warga kota di samping meningkatkan pengetahuan terhadap perkhidmatan DBKL.



DBKL melalui penyediaan perkhidmatan secara terus dan bersasar kepada komuniti setempat serta meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui penglibatan secara proaktif dan berkesan dalam aktiviti yang dijalankan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur di perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Perkutuan), Dr Zaliha Mustafa; Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta dan lain-lain.

Pada majlis tersebut, pelbagai pengisian aktiviti menarik diadakan antaranya cabutan bertuah, pameran perkhidmatan dari setiap Jabatan DBKL, Jualan Rahmah dan banyak lagi bermula

pukul 9 pagi hingga 6 petang.

Kamarulzaman turut mengucapkan terima kasih kepada semua rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan program ini antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Radio KLFM, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan YWP Media.

PENDEKATAN BAHARU

KEDUA-DUA program tersebut merupakan antara pendekatan baharu dan inisiatif baik kepada warga kota untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan DBKL sekali gus merapatkan jurang di antara kedua belah pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata dua program tahunan itu merupakan pendekatan baharu dan inisiatif baik kepada warga kota khususnya di Kuala Lumpur untuk bertemu secara langsung selain mendapatkan maklumat menerusi

program yang dianjurkan oleh DBKL bersama agensi lain.

“Ia juga dapat merapatkan jurang di antara komuniti dengan pihak terbabit. Sebelum ini, banyak aduan yang kita terima daripada komuniti berhubung tindakan, pelaksanaan dan sebagainya, jadi inilah cara yang kita ambil dari sudut underground untuk rakyat mengambil manfaat melalui program yang dilakukan termasuk memberi pandangan, cadangan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Zaliha berkata program Temu DBKL wajar diberi pujian kerana ia mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh DBKL secara lebih meluas.

“Saya berharap melalui program Temu DBKL ini pihak DBKL juga dapat mengumpul maklumat tentang keberkesanan penyampaian perkhidmatan sedia ada di DBKL dari rakyat yang hadir,” ujar beliau berharap program sebegini dapat memberi manfaat kepada warga kota.

Sementara itu, dalam keghairahan untuk terus bergerak ke hadapan dengan kepesatan kemodenan, Zaliha berkata kota metropolitan seperti Kuala Lumpur ini juga perlu dijadikan sebagai bandar raya hijau atau bandar rendah karbon yang mempunyai impak minimal ke atas alam sekitar.

“Program Teh Hijau Kuala Lumpur akan menerapkan elemen hijau dan rendah karbon selaras Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG oleh United Nations. Pada dasarnya juga, Malaysia telah menetapkan sasaran pengurangan 45 peratus (%) pelepasan intensiti karbon daripada KDNK menjelang 2030 berbanding tahap pada tahun 2005.

“Secara umumnya, hanya sebilangan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja yang telah menetapkan sasaran pengurangan karbon di kawasan mereka,” jelasnya usaha untuk menjadikan Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur sebagai bandar rendah karbon adalah salah satu keutamaannya. **WK**



MOHD YAZID
Pegawai Jabatan Perangkaan

“**MELALUI** program ini, ia memberi peluang kepada Jabatan Perangkaan Malaysia untuk berhubung terus dengan rakyat bagi menyampaikan maklumat lebih lanjut berhubung pelaksanaan sistem PADU di mana rata-rata masyarakat masih keliru dengan pelaksanaannya termasuklah aspek keselamatan.

Walaupun sistem PADU baru sahaja dilancarkan pada bulan Januari namun sambutanannya amat menggalakkan. Justeru itu, dengan adanya program ini, DBKL telah memudahkan jabatan.”



MOHD FIKRI
Ahli Jawatankuasa Kebun Kejiranan LA21

“**PROGRAM** Teh Hijau Kuala Lumpur telah menjadi keutamaan dan fokus yang amat ditiikberatkan pada sudut pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. Langkah DBKL menganjurkan program seperti ini juga dilihat membolehkan masyarakat mendapatkan pendedahan lebih lanjut.

Ini adalah satu perkara bagus yang boleh memperluas serta meningkatkan kefahaman tentang program LA21 terutama dalam aspek tanaman sayur-sayuran.”

Daim yang diam tidak boleh senyap lagi



ZULKIFLI SULONG

SETAHUN lalu, saya dan isteri dibawa oleh anak-anak ke Avilion Port Dickson untuk meraikan ulang tahun kelahiran. Masuk sahaja ke hotel percutian ini, kami terpegun dengan keindahan dan kemewahannya.

Walaupun ia sudah agak lama, tetapi jelas kelihatan kehebatannya dengan pelbagai jenis kolam mandi, dari untuk kanak-kanak sehinggalah ke kolam renang untuk dewasa.

Bersama kami adalah kumpulan pelancong dari China yang juga memasuki kawasan itu di samping pelancong dari India juga.

Dalam pada itu, seorang rakan menghantar satu pautan coretan di dalam Facebook tentang sebuah banglo besar di Genting Highlands.

"Kalau sesiapa yang pergi pusat perancangan Genting Highlands, sebelum nak sampai Masjid Yayasan Noah, akan nampak satu *bungalow* besar *design* Eropah sebelah Resort Awana, Genting.

"Selalunya tempat ini orang 'have-have' akan dijadikan tempat untuk berkahwin. Huhu

"Hari ini baru tahu yang *bungalow* besar *design* Eropah ini dimiliki oleh siapa..." tulis Fuad Akmal dalam Facebook beliau.

Banglo besar di Genting Highlands itu pula adalah Puncak Dani & Dani Lodge, Gohtong Jaya, Genting Highlands.

Selepas setahun, minggu ini negara dikejutkan dengan pendedahan 71 aset milik bekas Menteri Kewangan zaman Tun Mahathir, Tun Daim Zainudin yang tidak diisytiharkan oleh beliau ketika diminta berbuat demikian oleh SPRM.

Daripada senarai itu, termasuklah, Avilion Port Dickson yang kami kunjungi untuk meraikan hari jadi setahun lalu dan juga Puncak Dani & Dani Lodge itu.

Daim yang diam ini benar-benar bilionair. 71 aset yang tidak diisytiharkan sebagaimana yang diserahkan kepada mahkamah itu memang menunjukkan beliau hebat.

Dalam diam, Daim membina sebuah konglomerat yang besar dan meliputi pelbagai jenis perniagaan dengan bermula perniagaan garam sahaja.

Beliau memang diam walaupun beliau amat kaya. Namun yang peliknya, beliau tidak pernah dinobatkan sebagai antara orang yang terkaya di Malaysia.

Sebelum ini, ramai yang bercerita tentang cara Daim berpakaian. Daim dikatakan jarang memakai kasut apatah lagi yang berjenama mahal. Beliau hanya gemar memakai capal sahaja.

Apabila rakan-rakan membangkitkan cara Daim datang



DAIM duduk di atas kerusi roda ketika tiba di mahkamah baru-baru ini.

ke mahkamah Isnin lepas, dengan mata yang sakit dan berkerusi roda jenama murah, saya tidak terkejut.

Ada yang berkata, Daim cuba menarik simpati ramai dengan cara beliau tiba ke mahkamah itu. Daim dikatakan cuba menarik simpati ke atas beliau dan memetakan imej 'jahat' kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, apabila terdedahnya 71 aset yang tidak isytiharkan, simpati yang cuba diraih hancur begitu sahaja. Tumpuan rakyat adalah kepada harta beliau.

DAIM DAN ANWAR

Selama ini, pelbagai cerita yang keluar tentang Daim termasuk hubungan beliau dengan Anwar. Daim sendiri mendedahkan, Anwar sepatutnya berterima kasih kepada beliau kerana turut membantu kempen beliau dalam pilihanraya negeri (PRN) Port Dickson lalu.

Saya teringat satu cerita yang saya letakkan ia setaraf dengan penglipurlara sahaja tentang hubungan antara Daim dengan Anwar ini.

Semasa mereka dalam kabinet Mahathir dahulu, Daim amat sukar untuk keluar rumah terutama pada waktu malam. Ini kerana, isteri beliau sukar untuk membenarkan Daim keluar kecuali dengan alasan yang jelas dan munasabah sahaja.

Untuk membolehkan beliau keluar rumah, Daim akan meminta Anwar atau Tan Sri Wan Mokhtar (bekas Menteri Besar Terengganu) menelefon beliau. Telefon dari salah seorang daripada mereka sahaja diperlukan untuk membolehkan Daim keluar rumah.

Selepas mendapat panggilan telefon daripada Anwar atau Wan Mokhtar yang berimej bersih itu, Daim dengan mudah boleh keluar rumah dengan alasan bertemu salah seorang dari mereka..

Saya memberitahu rakan media yang membawa cerita itu, jika Daim boleh mengungkit kisah dia menolong Anwar ketika PRN, Anwar juga boleh mengungkit bagaimana dia digunakan untuk membolehkan Daim keluar dari rumah khususnya pada waktu malam dahulu.

Ketika cerita Daim timbul, terlintas juga di paparan Facebook saya rakaman temubual santai televisyen Indonesia dengan Anwar dahulu.

Ketika ditanya oleh moderator rancangan, apakah beliau tidak marah terhadap perbuatan Dr Mahathir terhadap beliau ketika dipukul dalam lokap, Anwar berkata, beliau sudah memaafkan mereka.

"Tetapi saya tidak boleh diam ketika wang negara dirompak di depan mata. Ketika itu saya Menteri Kewangan," kata Anwar yang boleh memberikan gambaran apa yang berlaku kepada Daim sekarang.

Kalau dahulu saya tidak faham kenyataan ini, namun dengan pendedahan yang dibuat oleh SPRM dalam mahkamah tentang 71 aset yang tidak diisytiharkan, fahamlah saya kenapa Anwar terlalu marah kepada Daim dan bosnya Mahathir.

Kalau selama ini tidak ada mana-mana pembesar negara yang sanggup berdepan dengan Mahathir, kini Anwar selaku Perdana Menteri memberikan kebebasan sepenuhnya untuk pihak berkuasa menyiasat dan mendedahkan.

Semoga selepas selesai sesi penyiasatan dan pendedahan ini, kita semua tahu apa yang benar dan apa yang cuba disembunyikan selama ini.

Penulis adalah wartawan yang berusaha merekodkan sejarah negara.



Lima dekad WP makmur

SELAMAT ulang tahun kelahiran! Semalam 1 Februari 2024 ialah ulang tahun ke-50 Wilayah Persekutuan (WP) dengan mengambil kira perisytiharan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pertama pada 1 Februari 1974. Ini diikuti oleh Labuan 10 tahun kemudian pada 1 Februari 1984, seterusnya Putrajaya pada 1 Februari 2001.

Kuala Lumpur asalnya ialah sebahagian negeri Selangor, berkongsi sebagai ibu negeri Selangor dan ibu negara Malaysia. Pulau Labuan pula sebelumnya ditadbir oleh Sabah, sementara Putrajaya yang nama asalnya Prang Besar juga sebahagian negeri Selangor.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga melihat pembangunan dan kemajuan pesat dicapai oleh ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur unggul sebagai ibu negara dan pusat ekonomi serta kewangan terkenal. Kehebatannya setanding dengan ibu negara lain di dunia.

Labuan maju sebagai pusat kewangan pesisir pantai serta pulau pelancongan, terutama pelancongan maritim. Putrajaya pula megah sebagai pusat pentadbiran Persekutuan, berubah daripada sebuah kawasan terpencil menjadi kota metropolitan.

Jelas setiap Wilayah Persekutuan memiliki ciri dan fungsi tersendiri. Inilah keunikan

dan keistimewaan yang tidak terdapat di negara lain. Terima kasih kepada para pemimpin terdahulu yang berpandangan jauh menjadikan keunikan ini realiti.

Jika pusat pentadbiran tidak berpindah ke Putrajaya misalnya, tentu keadaan di Kuala Lumpur semakin sesak dan padat dengan penduduk. Kesesakan lalu lintas semakin serius. Namun apabila pusat pentadbiran berpindah, sedikit sebanyak masalah berkurangan.

Untuk kemudahan, perkhidmatan Aliran Transit Massa (MRT) diwujudkan menghubungkan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tidak perlu lagi membawa kenderaan sendiri dan dalam proses itu mengurangkan kesesakan jalan raya dan di pusat bandar.

Pelbagai kemudahan lain seperti perumahan, pengangkutan awam serta taman rekreasi disediakan agar orang ramai dapat menjalani kehidupan seharian lebih selesa dalam persekitaran yang serba kondusif.

Sistem pengangkutan awam sentiasa ditambah baik. Jalan-jalan baharu dibina atau jalan sedia ada dinaik taraf untuk melicinkan perjalanan bas atau teksi, juga orang ramai. Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel kini menjadi sebahagian keperluan hidup.

Mengatasi isu penjaja Titiwangsa

SEBELUM ini kawan-kawan Kedai Kopi pernah utarakan isu masalah penjaja yang memenuhi kawasan Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, sehingga menimbulkan rungutan orang ramai dan penduduk setempat.

Orang ramai kesal kerana penjaja mengambil banyak ruang parkir untuk berniaga, baik dengan mendirikan khemah atau memparkir trak makanan. Kerana itu mereka yang datang untuk bersantai atau beriadah di taman tasik berkenaan menghadapi masalah meletak kenderaan.

Penduduk setempat pula mendakwa kehadiran penjaja menyebabkan persekitaran sesak, selain bunyi bising. Penjaja juga didakwa tidak menjaga kebersihan, membiarkan sampah sarap dibuang di kawasan mereka berniaga. Malah ramai peniaga dikatakan beroperasi tanpa lesen.

Isu berkenaan kini dalam perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. Beliau mahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memantau kegiatan berniaga di Taman Tasik Titiwangsa demi kesejahteraan penduduk setempat serta pengunjung.

Beliau juga memberi masa sebulan kepada DBKL memastikan taman tasik tersebut kekal menjadi tempat rekreasi dan riadah untuk warga kota seperti tujuan asal ia diwujudkan.

Andaian kawan-kawan Kedai Kopi ialah isu utama yang menjadi punca, iaitu masalah penjaja, akan diatasi. Mungkinkah penjaja akan ditempatkan di satu kawasan khas tanpa mengganggu petak parkir dan keselesaan penduduk?

Mengenai petak parkir, sebenarnya bukan sahaja dimonopoli oleh penjaja tetapi banyak petak parkir diam-bil oleh pengusaha basikal sewa. Jumlahnya bukan sedikit, menyebabkan petak parkir yang diambil juga banyak.

Kawan-kawan Kedai Kopi bukan membantah kehadiran penjaja atau pengoperasi basikal sewa di Taman Tasik Titiwangsa, mereka juga perlu mencari rezeki.

Cuma yang dimahukan ialah mereka beroperasi secara teratur, tidak mengganggu penduduk atau pengunjung taman. Kerana itu seelok-eloknya mereka beroperasi dari tempat khusus yang mudah diakses oleh orang ramai.

Bermesra dengan alam Putrajaya



KU SEMAN KU HUSSAIN

PUTRAJAYA adalah salah satu destinasi ekopelancongan terutama untuk mereka yang memilih ruang memsrai alam sekitar, taman-taman luas dan landskap yang menenangkan jiwa. Masa yang sama membawa pengunjung dekat dengan alam, berjarak seketika daripada udara tercemar kota metropolitan.

Maknanya kita tidak perlu pergi jauh ke luar kota untuk menikmati dingin tenang alam yang terpelihara habitat asalnya. Dengan jarak sekitar 40 kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur, pengunjung boleh menikmati alam yang tenang dan udaranya nyaman seperti di pergunungan.

Putrajaya dikenali oleh sang pelancong luar sebagai pusat pentadbiran Persekutuan yang paling terancang tidak sahaja prasarana malah menekankan konsep bandar dalam taman. Hal itu menjadikan Putrajaya bukan sahaja unik tetapi menepati keperluan sebagai petempatan.

Lebih kurang dua dekad dulu, sebelum kita melangkah ke alaf baharu, Kuala Lumpur adalah pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan. Semua kementerian berpusat di Kuala Lumpur. Dengan itu juga menjadi pusat perdagangan dan ekonomi.

Kini hampir semua pejabat pentadbiran Persekutuan sudah beroperasi di Putrajaya. Kuala Lumpur lebih tertumpu sebagai pusat perdagangan dan ekonomi. Pejabat konglomerat dalam dan luar negara ada di Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur adalah bandar raya yang berkembang secara semula jadi bermula era perlombongan bijih dulu, sementara Putrajaya adalah



TANGGA Putrajaya yang berketinggian 30 meter dengan jarak pendakian 200 meter merupakan antara lokasi wajib dikunjungi.

bandar yang dibangunkan daripada kawasan estet Prang Besar dalam negeri Selangor.

Sekalipun Putrajaya masih muda, baru berusia lingkungan 25 tahun, pembangunan terancang itu menjadikan ia bukan sahaja pusat pentadbiran, malah sebuah taman yang besar. Hal itu menjulang nilai alam yang tinggi sekali gus berpotensi melonjakkan sektor pelancongan.

Bagi pelancong luar negara, bersiar-siar melalui pusingan (*roundabout*) terbesar mengelilingi sebuah bukit di tengah-tengah Putrajaya, memberikan suatu yang sangat mempesona. Itu adalah peluang menikmati keindahan landskap, seni bina dan seni taman yang unik.

Putrajaya yang bermula dengan pembinaan Pejabat Perdana Menteri pada 10 Mei 1995 itu mula beroperasi pada

16 April 1999. Pejabat Perdana Menteri menjadi perintis pejabat pentadbiran Persekutuan di Putrajaya.

Sekalipun lebih dikenali sebagai pusat pentadbiran, masa yang sama Putrajaya juga menyediakan prasarana sosial dan komersial kepada penghuni dan pengunjung. Malah menjadi sebuah petempatan baharu yang selesa terutama dalam kalangan penjawat awam.

Terdapat banyak kuarters kediaman bertujuan meringankan beban penjawat awam yang belum mempunyai kediaman.

Berlama-lama di sekitar Putrajaya terutama waktu petang hingga pangkal senja adalah pengalaman rohani yang sangat mempesona. Gabungan tanah dan air dengan luasnya Tasik Putrajaya membuatkan kita seolah-olah berada di tepi pantai. Landskap taman yang mendominasi pusat pentadbiran baharu itu adalah manifestasi hubungan akrab antara manusia dengan alam.

Bangunan bangunan di Putrajaya pula misalnya sebahagian besar terilham daripada khazanah seni bina Asia Barat yang dipergayakan dengan ciri-ciri tempatan. Hal itu menunjukkan Putrajaya tidak sekadar tempat bekerja penjawat awam Persekutuan, malah dibangunkan untuk kesejahteraan pelawat.

Ringkasnya hampir tidak ada 'bangunan kotak' di Putrajaya. Semuanya ada nilai seni bina yang unik – bersulam seli antara gaya moden, minimalis dan semi klasik. Malah di jambatan juga tidak terkecuali, tidak sekadar menjadi penghubung akan seni binanya memancarkan nilai yang artistik.

Melancong ke Putrajaya bagi sesetengah dalam kalangan orang tempatan khususnya di Lembah Kelang adalah suatu yang agak asing. Keunikan sebagai destinasi pelancongan belum terapung dan meluas dalam kalangan orang tempatan.

LUNAK AZAN

Sebagai bandar dalam taman keindahan dan keunikan Putrajaya semestinya diterokai dan dihayati. Putrajaya terbina daripada gagasan pelestarian alam sekitar. Maka tidak hairanlah kalau pokok dan bunga ada di mana-mana.

Putrajaya tidak hanya memiliki mercu tanda utama Masjid Putra dan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin. Memang benar, kedua-dua ikon itu menjadi sebutan hingga ke luar negara. Malah pengunjung tempatan juga lebih mengenali kedua-dua masjid yang mengisi lima waktu dengan lunak nyaring laungan azan.

Hakikatnya Putrajaya mempunyai tidak kurang 10 taman awam dan tempat menarik yang terbina dengan kesedaran terhadap pelestarian alam sekitar yang tinggi. Tempat-tempat itu menawarkan peluang menikmati ekopelancongan dan pengalaman bermesra dengan alam.

Antara tempat yang menjadi tarikan pelancong adalah Taman Wetland Putrajaya iaitu kawasan tanah lembap air tawar terbesar buatan manusia di kawasan tropika. Malah merupakan tapak hidrologi yang diiktiraf oleh UNESCO.

Selain berperanan sebagai sistem pemprosesan air semula

jadi, Taman Wetland Putrajaya juga merupakan tempat perlindungan hidupan liar serta menjadi destinasi utama burung migrasi dari Hemisfera Utara. Kalau kena pada musimnya, pengunjung boleh melihat berbagai-bagai burung migrasi yang tidak terdapat di negara ini.

Keindahan seperti itu tidak ada pada semua tempat dan negara yang lain. Burung migrasi mempunyai kriteria tertentu untuk menjadikan Taman Wetland Putrajaya sebagai perhentian. Tempat lain yang popular dengan burung migrasi adalah Kuala Gula di Perak.

Selain taman tanah lembap yang popular itu, Putrajaya juga menawarkan pelbagai aktiviti antaranya Wetland Studios Putrajaya, sebuah taman didik hiburan digital yang sesuai untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Wetland Studios Putrajaya yang baru beroperasi tujuh bulan lalu sudah mencatatkan sebanyak 170,000 pengunjung. Dianggarkan jumlah pengunjung boleh meningkat hingga 300,000 orang menjelang setahun taman itu beroperasi.

Mereka yang gemar kegiatan luar seperti berkhemah, Glow Glamping@Wetland adalah destinasi yang terbaik. Banyak tapak perkhemahan yang tersedia dengan kemudahan seperti tandas dan bilik mandi.

Sebenarnya banyak lagi tempat-tempat menarik di Putrajaya yang perlu dikunjungi. Semuanya memberikan pengalaman yang menarik dan yang penting ada hubungan dengan alam sekitar. Misalnya Astana Morocco sebuah binaan yang bercirikan seni bina Morocco menjadi tempat bergambar yang popular di Putrajaya.

Tidak ketinggalan juga Tangga Putrajaya (Putrajaya Steps) yang letaknya tidak jauh dengan bangunan Pejabat Perdana Menteri. Selain berpeluang mendaki lebih 180 anak tangga, di puncaknya terhampar Taman Putra Perdana, taman yang penuh dengan bunga-bunga dan pokok yang indah.

Putrajaya juga ada 'pantai.' Pantai Floria menjadi destinasi berkelah pada hujung minggu dalam kalangan warga setempat dan pelancong dalam serta luar negara. Pantai buatan itu dengan angin bertiup kencang. Ia menghidupkan suasana seperti di tepi pantai. Lebih mempesona apabila mentari jingga hampir kembali ke peraduanannya.

Ternyata Putrajaya adalah sebuah destinasi pelancongan yang memberi peluang kepada pengunjung menikmati alam yang terpelihara keasliannya. Melancong atau 'melarikan' diri seketika ke Putrajaya bukan sahaja menjimatkan belanja, tetapi masa yang sama membawa kita kembali mendekati dan menikmati hadiah keindahan daripada alam.

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. Te: 03-8861 5260 E-mail: editorialwilayahku@gmail.com**

WK2

B1243 . 2-8 FEBRUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

115 TAHUN GEMILANG VICCB

➡ ➡ 10-11

VI lakar kemegahan di persada dunia

HAZIRAH HALIM

PASUKAN Pancaragam Kor Kadet Victoria Institution atau Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) yang ditubuhkan oleh Victoria Institution (VI) Kuala Lumpur pada tahun 1909 terus melakar kejayaan cemerlang bukan sahaja di peringkat sekolah tetapi juga berjaya mencipta kegemilangan di luar negara.

Pasukan yang terus megah selama 115 tahun itu juga berjaya membuktikan kebolehan setiap ahlinya dengan merangkul puluhan anugerah selain turut terpilih untuk membuat beberapa persembahan di luar negara sekali gus menjulang nama sekolah dan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, tidak lengkap nama dijulung tanpa ada dorongan di belakang. Semangat dan usaha gigih para pelajar biarpun terpaksa membahagikan masa di antara pelajaran dan kokurikulum harus dibanggakan.

Kesungguhan serta semangat juang yang tinggi dalam kalangan ahli yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga lima membuka mata banyak pihak bahawa pasukan ini sememangnya satu dalam sejuta bintang.

Berkongsi pandangan tentang kejayaan tersebut, Pengetua Victoria Institution (VI) Kuala Lumpur, **Abd Samad Othman** berkata kecemerlangan VICCB sejak beberapa tahun lalu sememangnya memberi kebanggaan terbesar buat sekolah dan ia wajar diberi penghargaan.

"VI merupakan sebuah institusi



BAGPIPE merupakan antara instrumen muzik yang dipelajari dan digunakan dalam setiap persembahan Pancaragam VICCB.

pendidikan yang bermotokan *Scholar, Sportsman, Gentleman* di mana ketiga-tiganya digabung dan diamalkan oleh setiap pelajar dan dikembangkan dalam bidang kokurikulum dan sukan termasuklah pasukan pancaragam.

"Sejak pengurusan VICCB ditambahbaik seiring peredaran zaman, pasukan ini telah melakar banyak anugerah dan pencapaian cemerlang termasuk



ABD SAMAD

di Kedah pada tahun 2022 dan menariknya pasukan pancaragam

empat kali memenangi pingat emas di *World Championship for Marching Show Bands* iaitu pada tahun 2000 di Canada, 2003 (Itali), 2005 (Belanda) dan Kuala Lumpur pada tahun lepas.

"VICCB juga pernah memenangi pingat emas di pertandingan *Malaysia National Band Competition* (NATCOMP)

juga pernah digelar oleh Itali sebaris pasukan terbaik di dunia kerana pernah menjuarai pertandingan peringkat antarabangsa di Itali pada 2003 dan 2009.

"Menjadi kebanggaan juga apabila pasukan ini terpilih untuk membuat persembahan perarakan pada sambutan Hari Kemerdekaan setiap tahun. Ia merupakan acara yang dinanti-nanti oleh setiap pelajar," kata beliau VICCB dianggotai oleh 100 orang ahli pelbagai bangsa.

Abd Samad berkata, sudah pasti sokongan akan diberikan sepenuhnya dan kejayaan itu

adalah hadiah yang amat bermakna bukan sahaja pada sekolah namun pada setiap ahli yang bersungguh-sungguh ingin mencapai kecemerlangan.

"Saya juga melihat pelbagai aspek yang menyumbang kepada kejayaan tersebut antaranya bantuan daripada jurulatih seramai tujuh orang yang sangat komited, empat guru penasihat dan ibu bapa. Pasukan ini boleh dijadikan kepintaraan untuk VI dan ia juga mencerminkan identiti mereka.

"Selain itu, saya juga dapat lihat sahsiah dan disiplin yang ditunjukkan oleh mereka. Tanpa dua perkara itu, kejayaan sesebuah pasukan pasti tidak boleh dicapai, tahniah diucapkan kepada jurulatih yang membentuk keperibadian mereka," katanya.

Tambah Abd Samad, bantuan tujuh orang jurulatih yang merupakan bekas pelajar atau alumni sekolah itu memberi tumpuan dalam membentuk jati diri khususnya aspek disiplin, komitmen serta ketahanan yang menjadi identiti pasukan tersebut.

Katanya, mereka bukan sahaja berdisiplin dari segi masa, pakaian dan tingkah laku malah juga patuh kepada arahan yang diberikan.

"Untuk tahun 2024, saya harap pasukan VICCB ini dapat mengekalkan pencapaian cemerlang di mana-mana pertandingan dalam dan luar negara sekali gus menjadi antara institusi persekolahan yang mampu berkembang tinggi dan mengharumkan nama negara," ujarnya.



BARISAN ahli pasukan pancaragam VICCB bersama guru penasihat dan jurulatih pasukan.





PELAJAR dilatih sekurang-kurangnya selama enam hingga tujuh bulan untuk mahir dalam penguasaan alat muzik.

Jurulatih profesional tonggak kejayaan VICCB

DI sebalik kejayaan pasti ada 'tulang belakang' yang membantu dan menjadi dorongan begitulah juga usaha keras yang dilakukan oleh tujuh orang jurulatih pasukan Pancaragam Kor Kadet Victoria Institution atau Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) yang dianggotai oleh 100 pelajar.

Menariknya, kesungguhan melatih barisan pelajar tersebut secara tidak langsung adalah kerana mereka merupakan bekas pelajar sekolah tersebut yang pernah menyertai pasukan VICCB.

Berkongsi lanjut mengenai, Pengarah Pasukan dan Drill Designer VICCB, **Nazmi Naim Abd Ghani** berkata latihan pasukan pancaragam dilatih oleh tujuh jurulatih termasuk dirinya yang dibahagikan tugas kepada tiga seksyen.

"la merangkumi Seksyen *Bagpipe* dan *Colorguards*, Seksyen *Brass* serta Seksyen *Dram* dan *Pit Percussions*. Dari segi latihan, kita jalankan sebanyak tiga kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin dan Rabu setelah sesi persekolahan bermula pukul 3 petang dan Sabtu pula pada pukul 8 pagi hingga 12.30 tengah hari.

"Walaupun mereka bersemangat menjalankan latihan namun akademik pelajar-pelajar yang terlibat sentiasa menjadi keutamaan misalnya jika musim peperiksaan, kami akan memberi ruang kepada pelajar untuk fokus kepada pelajaran.

"Pada musim cuti sekolah pula, mereka akan menjalankan latihan mengikut kesesuaian waktu dan kelapangan pelajar. Bagi persediaan



PELAJAR jalani sesi latihan sebanyak tiga kali seminggu.

pertandingan pula, tempoh latihan diambil sekurang-kurangnya enam hingga tujuh bulan atau minimum empat bulan," katanya sambil menambah jadual latihan dibuat setelah berbincang dengan guru dan pihak sekolah.

Berkongsi tentang pengubahan muzik dan lagu, Nazmi berkata lirik dan rentaknya dicipta sendiri oleh kumpulan instruktur dan sebanyak empat lagu akan diberi tunjuk ajar kepada pasukan tersebut.

"Kami juga akan memberi tunjuk ajar dari segi pergerakan di mana setiap persembahan lebih kurang lapan hingga 12 minit, pasukan perlu bergerak dan membentuk pergerakan seiring muzik yang dimainkan. Selain itu mereka akan diajar cara bermain sambil menghafal kod muzik.

"Namun, paling mencabar ketika ini adalah untuk memupuk disiplin

dan sahsiah dalam kalangan ahli pasukan memandangkan di sini semuanya lelaki, jadi ia memerlukan kesabaran yang sangat tinggi untuk melatih.

"Sekiranya mereka tiada sahsiah yang bagus, mungkin tidak dapat mencapai kecemerlangan sama ada di dalam Malaysia atau peringkat antarabangsa," katanya pasukan pancaragam boleh melahirkan seorang pemimpin yang bukan sahaja mahir dalam bidang muzik malah bersahsiah tinggi.

Antara jurulatih tersebut adalah Kordinator dan Jurulatih *Bagpipe* dan *Colorguards*, Mohd Hezrul Hizham; Penolong Jurulatih *Bagpipe* dan *Colorguards*, Muhammad Hairul Zamzuri; Jurulatih Pasukan Brass, Muhammad Fikrizaki Zakaria; Penolong Jurulatih Pasukan Brass, Emeer Ellyas Pfordten Eddee Pfordten; Pengurus Pancaragam dan Jurulatih Pasukan Drum, Zakaria Patrum dan Penolong Jurulatih Pasukan Drum, Muhammad Faris Akmal Musa. WK



KEJAYAAN VICCB 2000-2023

2000 hingga 2008

- Juara *Federal Territory Secondary School Marching Brass Band Competition* (lapan kali berturut-turut)

2009

- Juara dunia *World Bands Challenge*, Modena, Itali
- Pingat emas (Hons) di Kuala Lumpur World Marching Band Competition (KLWMBBC)

2012

- Hong Kong International Youth Marching Band Competition
- Pingat emas Solo Drum Battle Category dan tempat ketiga dalam Kategori Pasukan Drum Battle
- Anugerah Best Colour Guard
- Anugerah Koreografi Terbaik
- Anugerah Perkusi Terbaik

2014

- Kuala Lumpur International Youth Marching Band Competition
- Juara kategori dalam Marching Ensemble dan pertandingan kawad
- Pingat emas kategori Colour Guard
- Juara Street Parade

2015

- World Association of Marching Show Bands di Copenhagen, Denmark
- Juara dunia kategori Drum Battle
- Pingat emas kategori Marching Show Band

2016

- World Championship for Marching Show Band
- Pingat emas keseluruhan & Naib Juara Kategori National

2017

- Juara Anugerah Kecemerlangan Pasukan Badan Beruniform Sekolah Menengah (Negeri dan kebangsaan)
- Juara Kategori Scholastic Division Wind Ensemble

2018

- Naib Juara World Association in Marching Show Bands di Taipei, Taiwan
- Anugerah Colourguard Terbaik
- Anugerah Brass Terbaik

2019

- Juara Pertandingan Malaysia World Band di Kedah

2022

- Pingat emas Malaysia World Band Competition (NATCOMP)

2023

- Juara Keseluruhan Malaysia International Marching Arts Championship (MIMAC 2023)





Lambaian Agong berjiwa rakyat

AMIN FARIJ HASSAN
Foto: PENERANGAN MALAYSIA

TANGGAL 30 Januari 2024, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selesai menamatkan tempoh pemerintahannya sebagai Yang di-Pertuan Agong setelah lima tahun memegang peranan penting negara yang paksinya adalah Raja Berperlembagaan. Baginda telah menunjukkan kepemimpinan yang berjiwa rakyat, tegas dan berdedikasi dalam memenuhi tanggungjawab sebagai Ketua Negara. Sepanjang tempoh pemerintahannya, Baginda berhadapan dengan cabaran konflik politik yang

melanda negara antaranya berlaku pertukaran empat Perdana Menteri di mana yang terakhir adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Al-Sultan Abdullah juga berdepan cabaran pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia. Baginda melalui kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta memastikan sistem kesihatan negara tidak lumpuh dan berfungsi dengan baik.

Sementara itu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berangkat ke Istana Negara pada Rabu bagi Istiadat Melafaz dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17. **WK**





Dari Bukit Serene ke Istana Negara

PEMILIHAN Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 telah menzahirkan perasaan bercampur baur dalam kalangan rakyat jelata.

Bagi Bangsa Johor, pelantikan Sultan Ibrahim ke tampuk kuasa bermakna mereka 'hilang' seorang raja yang sering menumpahkan kasih

untuk semua.

Walau bagaimanapun bagi rakyat pula, sosok seorang Raja yang tegas merupakan kelebihan dan harus diangkat untuk mengetuai negara.

Dalam perjalanan dari Istana Bukit Serene ke Istana Negara, Bangsa Johor tidak 'kehilangan' bahkan mereka berkongsi kasih dengan semua. [WK](#)





ANTARA ritual yang dilakukan sebelum berjalan beramai-ramai menuju kuil Sri Subramaniyar Swami.

2 juta penganut Hindu banjiri Batu Caves

SHUAIB AYOB

SETIAP kali tibanya perayaan Thaipusam, penganut Hindu dari dalam dan luar negara akan berjalan kaki menuju ke Kuil Sri Subramaniyar Swami di Batu Caves. Lokasi ini cukup terkenal dan menjadi tumpuan pelancong seluruh dunia.

Sambutan Thaipusam yang disambut baru-baru ini menyaksikan 2 juta orang membanjiri kuil tersebut. Lensa Wilayahku berkesempatan merakam momen unik disebalik sambutan yang diraikan pada bulan 'Thai' iaitu bulan ke-10 dalam kalendar Tamil ini. [Wk](#)



PENGANUT Hindu membawa pot berisi susu bagi upacara 'paal kudam' ketika perayaan Thaipusam di Batu Caves baru-baru ini.



DAULAT TUANKU

MERAFAK SEMBAH UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR

&

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG,
RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH

31 JANUARI 2024 (19 REJAB 1445H)

Sembah Takzim Daripada:



YWP Media Sdn. Bhd.

Proses penapaian lambang keunikan Machi

AINI MAWAWI

PERSAINGAN dalam industri pengeluaran kicap dan sos di Malaysia bukanlah suatu yang asing memandangkan terdapat banyak jenama tempatan yang kukuh bukan sahaja mendominasi pasaran dalam negara bahkan telahpun melebarkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.

Menyedari saingan yang begitu hebat, kicap dan sos jenama Machi keluaran YC Bersatu Biotech Sdn Bhd (YC Bersatu) membawa kelainan apabila muncul sebagai syarikat pertama di negara ini yang menggunakan bioteknologi penapaian secara semula jadi.

Menurut Pengarah Urusannya, Kelvin Han Wei Jian, 28, pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikatnya bekerja keras untuk memastikan soya yang dibancuh selama 180 hari untuk mendapatkan ekstrak terbaik dan berkualiti dalam pengeluaran kicap serta sos.

"Boleh dikatakan kicap sudah menjadi keperluan harian kita dan dalam kebanyakan masakan hari ini mesti ada kicap. Kanak-kanak juga menyukai kicap, ada yang tak

boleh makan kalau tiada kicap.

"Oleh itu kami sentiasa pastikan kicap dan sos keluaran syarikat adalah sihat dan selamat untuk dimakan. Kami sangat menitikberatkan tentang kualiti dan prinsip syarikat iaitu tidak akan menghasilkan kicap tiruan dan sos," katanya.

Tambahnya, syarikat miliknya yang beroperasi di Pulau Pinang sanggup membuat pelaburan tinggi dalam teknologi penapaian bagi mendapatkan kualiti yang terbaik seiring slogan mereka iaitu '1 Sos Dah Cukup Sedap'.

"YC Bersatu mahu menjadi penanda aras kepada pengeluaran produk yang berkualiti, tulen, bersih dan pada masa masih mengekalkan rasa tradisional. Atas kapasiti itu kami sentiasa melakukan pemeriksaan yang ketat kepada semua produk keluaran syarikat," ujarnya.

Berkongsi tentang cabaran yang dihadapi, usahawan muda yang menyambung legasi perniagaan keluarganya ini tidak menafikan dia menerima saingan sengit daripada pengeluaran produk kicap bumiputera.

"Itu antara cabaran yang dihadapi namun bagi saya,



WEI JIAN (tiga dari kiri) ketika memperkenalkan perisa kicap terbaharu.

selagi mana kita berusaha mempersembahkan produk yang terbaik maka ia adalah satu saingan yang sihat. Paling membanggakan Machi sudah pun mendapat sijil pengesahan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Selain itu, kami juga turut dianugerahkan sijil MeSTI, sijil

GMP dan sijil HACCP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," kongsinya YC Bersatu turut mendapat dua pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records iaitu First Soy Sauce Manufacturer To Achieve The Bio-Based Accelerator (BBA) Status dan First Soy Sauce

Manufacturer To Achieve Bionexus Status pada 16 November lalu.

Memandang ke hadapan, Wei Jian turut merancang untuk meluaskan empayar perniagaan dengan membukan restoran jenama Machi di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dalam masa terdekat.

Tampil jimat dengan produk bebas pembungkusan

LUSH Malaysia yang merupakan salah sebuah syarikat kosmetik terkemuka berjaya menghindari penggunaan plastik menerusi pengenalan produk bebas pembungkusan (naked products).

Pengarah Lush Malaysia, Dr Harvinder Harchand berkata, idea di sebalik produk bebas pembungkusan ini adalah untuk mengurangkan kos yang lazimnya ditanggung kerana pembungkusan.

"Ia secara tidak langsung membolehkan produk dihasilkan menggunakan bahan yang lebih baik, sesuai untuk keperluan pelanggan. Bagi tujuan itu, Lush memperuntukkan 100% daripada hasil jualan krim tangan dan badan Lush (selepas ditolak cukai tempatan).

"Dalam masa yang sama, projek Skim Bring It Back menggalakkan pelanggan memulangkan bungkusan dan bekas kosong ke kedai Lush sekali gus menyumbang kepada pengurangan sisa plastik dan memupuk sistem kitar semula," ujar beliau.

Pelanggan Lush layak untuk menukar mana-mana barangan yang tersenarai sebagai Qualifying Lush Packaging dengan potongan sebanyak RM3 ke atas pembelian

"Sebagai alternatif, pelanggan boleh membawa lima bekas kosong hitam atau jernih Lush, dan mereka akan diberikan topeng muka percuma. Bagi mengetahui lebih lanjut tentang produk Lush, nilai-nilainya, dan pelbagai inisiatif etika

yang dijayakan oleh jenama kosmetik ini, layari <https://lush.my/>," ujar beliau.

Sejak mula bertapak dalam pasaran Malaysia pada 2018, Lush telah mengukuhkan jenamanya dengan kewujudan 10 buah cawangan di Lembah Klang, Johor, Kuantan dan Pulau Pinang dan terbaharu di Suria, KLCC.

Kini, Lush terus mencipta revolusi kosmetik untuk menyelamatkan bumi melalui produk dan kempen kelestariannya yang memfokuskan kepada hak manusia, haiwan dan alam sekitar dengan pelancaran kedai terbaharunya.

Mengulas lanjut tentang produk kosmetik yang dikeluarkan, Harvinder berkata, pengguna kini semakin teliti tentang impak produk yang mereka beli. Jadi mereka ingin memastikan bahawa apabila pelanggan membeli produk, ia bukan sahaja bermanfaat tetapi selari dengan nilai.

"Bermula daripada peringkat perolehan bahan mentah sehinggalah apabila ia sampai ke tangan pelanggan semuanya akan dipastikan terbaik dan mereka akan berpuas hati dengan apa yang dibeli.

"Untuk itu, kakitangan Lush bersedia untuk memberi khidmat nasihat kepada pelanggan di kedai-kedai Lush bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemilihan produk yang sesuai kehendak," ujar beliau.

KAMI
MENCARI

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Pereka Grafik / Multimedia Syarat Kelayakan:

- Mempunyai Diploma/Sijil dalam bidang grafik/multimedia atau berkaitan dengannya.
- Berkemahiran menggunakan Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, Adobe Indesign dan perisian lain seumpamanya.
- Sekurang-kurangnya berpengalaman dalam penerbitan akhbar atau majalah.
- Berpengalaman menghasilkan bahan hebahan media sosial seperti poster, infografik dan bahan bercetak.
- Boleh bekerja secara berkumpulan dengan pengawasan yang minimum dan di bawah tekanan.
- Berdisiplin, kreatif dan mudah menerima arahan.

Sila hantarkan resume anda ke:
hr.wilayahku@gmail.com



TAHNIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Kuala Lumpur
Putrajaya
Labuan

atas sambutan



Ikhlas daripada



Dato' Haji Afdlin Shauki Aksan
Pengerusi
YWP Media Sdn. Bhd.



Fokus realisasi misi dan visi YWP

KSKYWP tingkat aspek kebajikan

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan YWP (KSKYWP) akan terus memberi perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan pekerja terutama dalam aspek kewangan, perubatan dan hal-hal berkaitan.

Pengerusi Jawatankuasa KSKYWP, **Muhammad Izzat Amir Mohd Rahimi** berkata KSKYWP adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam memastikan kebajikan pekerja terjamin tanpa mengira kedudukan dan latar belakang.

“Mereka adalah individu yang menjadi tonggak utama dalam kejayaan sesebuah organisasi. Sudah tentu, kesejahteraan pekerja menjadi keutamaan kita untuk mencapai misi dan visi YWP.

“Justeru itu, sejak ditubuhkan pada tahun 2016, KSKYWP menjadi organisasi di bawah YWP yang akan membantu para pekerja



IZZAT AMIR



KSKYWP turut memfokuskan terhadap aspek kesukuan untuk mengeratkan hubungan kakitangan.

mendapatkan bantuan kebajikan termasuk faedah-faedah lain antaranya sumbangan kemasukan wad, perkahwinan, hari raya dan saguhati akhir tahun,” ujarnya.

Tambah Izzat, pihaknya juga akan memfokuskan terhadap aspek kesukuan dengan memperbanyakkan aktiviti pada tahun ini.

“Di peringkat jawatankuasa, kita sudahpun mempunyai beberapa perancangan tahunan terutama dalam persiapan menghadapi kejohanan Pesta Sukan Antara Yayasan (PESAYA) kali ke-15 pada tahun 2025 akan datang.

“Insya-Allah selepas sambutan Aidilfitri, kita akan buat persiapan awal dari segi latihan dan semestinya sasaran adalah ingin mencapai kecemerlangan dalam setiap acara yang disertai.

“Selain itu, beberapa

perancangan aktiviti sukan juga telah pun dibincangkan bersama antaranya Karnival Sukan Yayasan Wilayah Persekutuan 2024, Pesta Sukan Rakyat Yayasan Wilayah Persekutuan, konvoi bermotor dan perlawanan persahabatan bersama agensi,” ujarnya sambil menambah sukan antara aktiviti dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan kakitangan YWP.

Dalam pada itu, selaku Pengerusi Jawatankuasa KSKYWP yang baharu dilantik bagi sesi 2024, dia berharap dapat

menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan sebaik mungkin.

“Semoga segala penambahbaikan dan perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya amat memerlukan sokongan daripada semua pekerja YWP selain sentiasa membuka ruang kepada sesiapa sahaja untuk memberi pandangan atau cadangan,” katanya. **WK**

Info

ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam

Putrajaya

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam

Labuan

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489



NAZLI (hujung kiri) bersama barisan pemenang cabaran Teh Tarik.

Dari Pulau Pinang ke Menara KL

DIANA AMIR

LEBIH 10 restoran terkenal dari Pulau Pinang dihimpunkan di Menara Kuala Lumpur menerusi Program ‘Surrr! In the Sky’ @ KL Tower – Festival Nasi Kandaq baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, **Nazli Saad**, program yang diadakan di Tower Terrace Menara Kuala Lumpur itu mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti ACGAS, HARTA dan F&N.

“Ini adalah kali pertama kami mengumpulkan pengusaha Nasi Kandaq yang bernama bersama-sama dalam satu festival di Menara Kuala

Lumpur dengan kerjasama Nasi Kandaq Hunters dan Nasi Kandaq Transporter.

“Kami juga sangat teruja untuk menganjurkan lebih banyak acara sebegini di Menara Kuala Lumpur dan berhasrat untuk mengumpulkan pengunjung dan pencinta makanan bagi menikmati makanan tempatan di sini.

“Lebih istimewa, lebih daripada 500 orang pengunjung telah menjamu selera di Sky Deck sambil menikmati pemandangan indah bandar raya Kuala Lumpur,” ujarnya.

Antara restoran terkenal dari Pulau Pinang seperti Hameediyah, Kapitan, Hussain Pasembor Padang Kota, Line Clear, Ais Tingkap, Jamal

Mohamed (Ketapang), Kudu dan banyak lagi.

Selain itu, Nazli berkata Menara Kuala Lumpur juga telah mengadakan Cabaran Teh Tarik @ KL Tower sempena festival tersebut.

Juara disandang oleh Syed Khaidhir Syed Abdullah dari Johor Bahru dan telah membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM5,000, manakala tempat kedua dimiliki oleh peserta berasal dari Kedah iaitu Pakir Mohamed Jamal Mohamed (RM3,000) dan pemenang tempat ketiga, Mohamad Shamier Daniah Nor Hasmawi dengan hadiah wang tunai sebanyak RM2,000. **WK**

FoodUnites 2024 himpun cita rasa pelbagai kaum

KEMENTERIAN Perpaduan Negara (KPN) bakal menganjurkan program Perpaduan Masyarakat Malaysia iaitu FoodUnites pada 3 dan 4 Februari di Kuching Waterfront, Sarawak.

Dalam satu kenyataan KPN memaklumkan, program tersebut merupakan satu inisiatif KPN bertujuan untuk menghidupkan semula dan mengekalkan makanan warisan sebagai simbol perpaduan di Malaysia.

“Objektif utama program ini adalah memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghargai kepelbagaian budaya dan tradisi setiap kaum selain mengangkat dan melestarikan makanan sebagai warisan negara yang harus dijaga dan diwarisi oleh generasi muda.

“Selain itu, program ini juga dapat menyatukan masyarakat Malaysia melalui kepelbagaian makanan sebagai cerminan tanda keunikan dan keharmonian negara,” tulis kenyataan itu.

Menurut KPN, FoodUnites bukan hanya sekadar festival makanan sebaliknya ia juga sebuah perhimpunan budaya yang merentasi waktu, membawa kehidupan kepada

cerita-cerita di sebalik setiap hidangan serta mengajak masyarakat untuk menghargai kekayaan kuliner yang menjadi warisan kita.

Menariknya pada program tersebut, ia akan menampilkan makanan utama Negeri Sarawak iaitu Laksa Sarawak selain enam lagi makanan tradisi yang mewakili setiap kaum.

“Antaranya Nasi Lemak, Char Kuey Teow, Nasi Briyani, Latok, Ayam Pansuh, dan Kek Lapis. Pelbagai aktiviti menarik akan disajikan kepada pengunjung termasuk zumba, permainan tradisional, cabutan bertuah, kesenian dan kebudayaan, pameran, pertandingan dan banyak lagi.

“Justeru itu, seluruh masyarakat Malaysia dijemput berkunjung ke FoodUnites bermula dan menyemarakkan lagi program ini dengan semangat dan satu tujuan yang sama iaitu memperkukuh perpaduan di antara kita semua,” ujarnya.

Jangan lepaskan peluang untuk hadir ke program ini bersama-sama keluarga dan sahabat handai, masuk adalah percuma bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam.

97 peratus tapak 5G berjaya dibangunkan dalam tempoh 18 bulan

Pelengkap kemajuan PEDNS 2027

AZLAN ZAMBRY

NEGERI Sembilan berjaya membangunkan 225 tapak 5G sekali gus bakal menjadi pelengkap kepada Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2027 (PEDNS 2027).

Menteri Besar Negeri Sembilan, **Datuk Seri Aminuddin Harun** berkata fasa permulaan bagi pelaksanaan rangkaian 5G di Negeri Sembilan telah bermula pada suku ketiga tahun 2022.

“Dalam tempoh kurang daripada 18 bulan sahaja, sebanyak 225 tapak 5G berjaya dibangunkan dalam fasa ini yang memberikan liputan rangkaian 5G di daerah Seremban, Port Dickson, serta beberapa kawasan utama bagi daerah-daerah lain,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas lawatan mengetuai delegasi Kerajaan Negeri Sembilan ke 5G Portal di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Aminuddin berkata sektor tumpuan Kerajaan Negeri Sembilan adalah dalam bidang perkhidmatan dan perindustrian serta pelancongan.

“Bagi sektor pertanian pula, kita akan bersama bina satu kemudahan kepada masyarakat supaya pertanian yang ada pada hari ini tidak hanya tertumpu kepada konvensional atau tradisi seperti sebelum ini. Dalam masa yang sama supaya ia dapat diperbaharui kepada 5G kerana kita lihat telah ada beberapa pemain atau petani moden yang menggunakan pertanian pintar ini,” katanya.

Jelas Aminuddin, menerusi teknologi 5G, pihaknya yakin ia akan dipercepatkan seperti di kawasan Kuala Lumpur.

“Dalam tempoh dua tahun ia telah mencapai matlamat



WAKIL My5G Portal menerangkan mengenai model pembangunan yang menggunakan teknologi 5G.

liputan 5G sehingga 80 peratus di kawasan yang diminta oleh Kerajaan Persekutuan dan dengan adanya perkara tersebut, saya yakin kerajaan negeri mampu membuat perubahan dalam sektor ekonomi digital,” katanya.

Aminuddin berkata melalui perkembangan tersebut, ia membuktikan bahawa kerajaan negeri bertindak proaktif bagi memastikan Negeri Sembilan tidak ketinggalan dalam mendapatkan penggunaan teknologi terkini kepada rakyat dan pihak berkepentingan.

“Pelaksanaan liputan Internet termasuk rangkaian 5G ini juga dijangka akan diperluaskan di beberapa kawasan-kawasan berpenduduk secara

berperingkat.

“Selain itu, penyediaan liputan jalur lebar Internet di kawasan berpenduduk di Negeri Sembilan juga sedang dipergiatkan melalui pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

“Setakat ini, liputan jalur lebar mudah alih 4G di kawasan berpenduduk di Negeri Sembilan telahpun mencapai sebanyak 98.34 peratus,” katanya.

Beliau turut menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak MCMC, Digital Nasional Berhad (DNB) dan penyedia perkhidmatan yang menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub pelaburan ekonomi

bagi sektor telekomunikasi.

Dalam lawatan tersebut, Delegasi Kerajaan Negeri Sembilan yang turut di hadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zafir Ibrahim dan EXCO Kerajaan Negeri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Datuk Mohd Faizal Ramli diberi taklimat mengenai kemajuan pembangunan infrastruktur liputan 5G termasuklah peratusan kejayaan yang berjaya diraih sejak ia mula dilaksanakan.

Delegasi tersebut turut dibawa melawat ke beberapa bahagian pameran bagi memberikan pengalaman dan pengetahuan mengenai teknologi 5G yang

merangkumi urusan harian yang mampu bertunjangkan digital demi meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai negara maju.

Lawatan kerja tersebut merupakan inisiatif daripada pihak MCMC dan DNB bagi memperkukuhkan jalinan strategik bersama kerajaan negeri dalam pembangunan rangkaian 5G khususnya di Negeri Sembilan.

Ia juga selaras dengan pengumuman Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil pada awal Januari lalu bahawa pelaksanaan rangkaian 5G nasional telah mencapai sasaran 80.2 peratus kawasan berpenduduk (COPA) setakat 31 Disember 2023.

Sokongan Kerajaan Negeri Sembilan dalam memudahkan pelaksanaan rangkaian 5G juga antara faktor yang telah menyumbang kepada kejayaan aspirasi kerajaan dalam mencapai sasaran COPA nasional.

Selain daripada akses kepada liputan rangkaian 5G, peratusan penggunaan rangkaian 5G di Malaysia juga masih lagi berada di tahap yang rendah (bawah 10 peratus) dan pihak kerajaan juga telah memperkenalkan pakej 5G Rahmah bagi menggalakkan pengguna beralih kepada rangkaian 5G dengan mendapatkan peranti 5G dengan harga hanya RM240.

Pembukaan Pusat Pengalaman 5G DNB atau My5G Portal juga merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai manfaat teknologi 5G yang memfokuskan kepada industri perusahaan, operator, agensi kerajaan dan pengguna, orang awam untuk mendalami atau mengalami sendiri demonstrasi peranti yang berkonsepkan teknologi 5G yang disediakan di pusat tersebut. WK



DELEGASI Kerajaan Negeri Sembilan yang diketuai Datuk Seri Aminudin Harun dibawa melawat ruang pameran My5G Portal bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai teknologi tersebut.

Sekolah daif ditangani

KPM tumpu pembangunan pendidikan

KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Pendidikan Malaysia (KPM) terus mempergiatkan usaha secara berterusan bagi memastikan pembangunan pendidikan termasuk infrastruktur sekolah daif ditangani.

Menurut Menteri Pendidikan Malaysia, **Fadhlin Sidek**, KPM proaktif dalam memastikan projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah seluruh negara dapat disegerakan melalui pelaksanaan projek diterajui yang diterajui bersama Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR).

Katanya, tumpuan juga diberi kepada dasar pendidikan digital, reformasi pendidikan pada tahun ini khususnya Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), digital dan pra sekolah.

“Sekolah daif pada tahun 2023 merupakan antara kejayaan terbesar pihaknya. Lebih 693



FADHLINA (tengah) bersama pengetua dan guru besar di Labuan pada acara simbolik penyerahan replika cek.

daripada 1,069 sekolah daif berjaya diselesaikan tahun lepas khususnya di Sabah dan Sarawak,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program Penyerahan Peranti Digital Kementerian Pendidikan Malaysia,

Sumbangan Murid Yatim Dan Bantuan Awal Persekolahan Tahun 2024 bertempat di SMK Labuan baru-baru ini.

Pada program itu, seramai 230 pelajar di Labuan menerima peranti digital sumbangan Yayasan Didik Negara. Ia bagi memastikan para pelajar tidak terpinggir dalam usaha KPM memartabatkan pendidikan pendigitalan negara.

Dalam masa yang sama, turut disampaikan replika cek bantuan awal persekolahan kepada 28 buah sekolah di Labuan bernilai lebih RM 2.3 juta. Peruntukan tersebut melibatkan seramai 15,567 murid sekolah rendah dan menengah lima atau yang setaraf dengannya pada sesi persekolahan 2024/2025.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Sektor Operasi Sekolah yang menjalankan Tugas Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan; Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Abidin Marjan dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Dr Suhaili Abdu Rahman. **WK**

Dataran Labuan bergema selawat

KIRA-KIRA 25,000 umat Islam di pulau ini membanjiri Dataran Labuan bersempena Program Labuan Berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW baru-baru ini.

Program julung kali diadakan itu menampilkan penceramah tersohor Indonesia, Profesor Dr Ustaz Abdul Somad.

Penganjur program, **Datuk Raffi Alli Hassan** berkata, ia merupakan salah satu pengisian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Labuan yang ke-40 tahun pada 1 Februari ini.

“Program ilmu ini dilaksanakan bagi memberi ruang dan peluang yang terbaik kepada masyarakat Labuan khususnya bagi mendekatkan diri dengan Rasulullah SAW.

“Selain itu, ia juga bagi menyemai nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat selari dengan konsep Malaysia Madani,” katanya ketika ditemui pemberita.

Antara pengisian program tersebut adalah alunan marhaban dan berselawat memuji kebesaran

Allah dan junjungan Nabi Muhammad SAW dan ceramah bertajuk Keluarga Bahagia Menuju Syurga yang disampaikan oleh Abdul Somad.

Program yang mendapat sambutan luar biasa itu dianjurkan secara bersama oleh beberapa agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kelab Wanita Labuan Sejahtera, Desa Tunas Hijau, LDA Holding Sdn Bhd, Klinik Suria dan ASB Sdn Bhd. **WK**



RITHUAN (dua dari kiri) dan **Hock Hoo** pada majlis perasmian cawangan.

PL alukan kedatangan pelabur

PERBADANAN Labuan menyambut baik kedatangan pelabur dan ahli perniagaan dalam dan luar negara untuk menjalankan perniagaan di pulau bebas cukai tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), pihaknya sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka ke Labuan bagi merencanakan lagi sosioekonomi pulau itu.

“Terbaharu, Cheng & Co Group membuka pejabat baharu di Labuan dan kita sebagai PBT menyokong pembukaan tersebut.

Sepertimana sedia maklum, kemudahan infrastruktur asas antaranya bekalan air, elektrik dan rangkaian Internet di pulau ini sedang dinaik taraf dan kita akan memastikan keperluan seperti ini tidak menjejaskan perniagaan yang bakal dibuka kelak,” kata beliau.

Terdahulu, Cheng & Co Group sebuah agensi perunding kewangan yang terkenal membuka cawangan yang ke-16 di pulau tersebut.

Turut hadir, Pengarah Urusan Cheng & Co Group, Datuk Dr Chua Hock Hoo dan Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan Simsudin Sidek. **WK**



KIRI-KIRA 25,000 umat Islam membanjiri Dataran Labuan.

Asean Clean Tourist City Standard Award 2024-2026

Putrajaya kekal status bandar terbersih

SABRINA SABRE

USAHA untuk mengekalkan Putrajaya sebagai bandar raya bersih dan bebas sampah berhasil apabila pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu berjaya menerima Anugerah *Asean Clean Tourist City Standard Award 2024-2026* pada Forum Pelancongan ASEAN (ATF) baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, forum yang diadakan di Vientiane, Laos pada 22 hingga 27 Januari lalu itu bertujuan untuk mengiktiraf serta memberi penghormatan kepada perniagaan juga destinasi pelancongan ASEAN yang cemerlang dan mematuhi Standard Pelancongan ASEAN.

“Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada bandar-bandar di Asia Tenggara yang telah berusaha untuk mencantikkan tempat-



PENERIMA anugerah bergambar kenangan di ATF 2024.

tempat awam, menambah baik pengurusan alam sekitar dan pengurusan sisa buangan, mempertingkatkan ruang bandar,

mengekalkan kelestarian serta meningkatkan tahap kepuasan kepada orang ramai.

“Terdapat tujuh indikator yang

dipertimbangkan untuk anugerah itu iaitu pengurusan alam sekitar, kebersihan, pengurusan sampah, promosi kesedaran sivik,

ruang hijau, keselamatan dan pelancongan.

“Alhamdulillah, PPj berjaya menepati kesemua indikator tersebut semasa sesi penilaian pada 18 September tahun lepas,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Fadlun berkata Putrajaya merupakan antara tiga bandar di Malaysia yang menerima *ASEAN Tourism Awards* bagi kategori *ASEAN Clean Tourist City Standard (ACTCTS)* selain satu-satunya wakil dari Wilayah Persekutuan yang menerima anugerah itu sejak tahun 2018.

“Terima kasih kepada warga Putrajaya kerana bersama-sama menjaga dan mengekalkan kebersihan serta keindahan kawasan ini,” ujarnya pengiktirafan anugerah tersebut dapat mengukuhkan nama Putrajaya sebagai salah satu bandar lestari di dunia dan destinasi pelancongan pilihan.

WK

Lebih 250 petak bazar Presint 3

SEMPENA bulan Ramadan yang bakal disambut umat Islam tidak lama lagi, Perbadanan Putrajaya (PPj) mula membuka tawaran penyewaan tapak Bazar Ramadan Putrajaya 2024 kepada mereka yang berminat.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pihaknya telah menyediakan lima lokasi bazar dan setakat ini sudah menerima lebih 700 permohonan di mana tapak terbesar adalah di Presint 3 membabitkan lebih 250 petak.

“Jumlah tersebut adalah bersesuaian memandangkan PPj ingin terus mengekalkan status tapak bazar Ramadan Presint 3 antara yang terbaik untuk dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara.

“Di samping itu, empat lagi

tapak akan melibatkan lokasi di Presint 9, Presint 11, Presint 14 dan Presint 16,” ujarnya pada Majlis Perasmian Kids Fest 2024 di Padang Semarak, Taman Wetland baru-baru ini.

Selain itu, beliau memaklumkan bagi bazar Ramadan Presint 14, PPj mengadakan kelainan dengan menyerahkan pengurusan kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) untuk memilih peniaga dalam kalangan warga Putrajaya.

“Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk bagi menambah pendapatan mereka pada bulan Ramadan ini.

“Undian akan diadakan pada minggu depan termasuk mengeluarkan surat tawaran kepada peniaga,” ujar beliau.

Sementara itu, Fadlun berkata pihaknya dan KRU Studios akan bekerjasama untuk mewujudkan

zoo haiwan jinak di Taman Wetland yang dijangka direalisasikan pada tahun ini.

“Ia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar dan rasa sayang terhadap haiwan kepada orang ramai.

“Tapak kami dah kenal pasti tetapi isu utama adalah sistem pembetulan. Apabila (sistem) sudah diwujudkan, kami akan adakan zoo haiwan jinak di Taman Wetland,” ujarnya kemudahan sokongan seperti tempat letak kereta dan tempat makan untuk memastikan pelawat selesa turut perlu dititikberatkan.

Dalam masa sama, Fadlun berkata cadangan itu merupakan sebahagian daripada pembangunan untuk menjadikan Taman Wetland sebagai kawasan ekopelancongan di Putrajaya. WK



TAPAK bazar Ramadan Presint 3 antara yang popular di Putrajaya.



DATARAN Putrajaya dan Gerbang Kompleks PPj antara laluan percubaan trem.

Trem A.R.T. bermula Februari ini

ORANG ramai kini berpeluang menaiki perkhidmatan pengangkutan trem tanpa landasan atau *trackless tram* berkuasa elektrik di Putrajaya bermula Februari ini.

Perkara berkenaan dimaklumkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam satu hantaran yang dimuat naik menerusi Facebooknya baru-baru ini.

Menurut PPj, perkhidmatan itu ditawarkan secara percuma terhad selama empat hari bersempena Putrajaya Open Day (POD) yang akan berlangsung pada 1 hingga 4 Februari ini.

“Perkhidmatan tersebut akan berada dalam tempoh percubaan bermula Februari sehingga Disember depan.

“Jangan lepaskan peluang untuk mencuba sendiri projek rintis Transit Aliran Automatik (A.R.T.) di Putrajaya bersempena POD 2024,” ujarnya fasa ujian tersebut dipercayai akan dilakukan di laluan panjang berhampiran Dataran Putrajaya dan Gerbang Kompleks PPj.

Maklumat lanjut berkaitan laluan perjalanan, lokasi perhentian, harga tiket dan sebagainya dijangka akan dikongsikan dalam masa terdekat.

Sebagai rekod, trem ART berkuasa hidrogen pertama dunia telah tiba di Sarawak pada Ogos 2023.

Ia dibangunkan oleh China Railway Rolling Stock Corporation (CRRC) Zhuzhou Institute Co. Ltd. dan merupakan trem pertama yang menggunakan sistem kuasa hidrogen.

Mempunyai kelebihan jarak memandu lebih panjang dan masa pengisian semula lebih pendek serta penjimatan tenaga dan perlindungan alam sekitar, trem pintar itu boleh bergerak sehingga 245 kilometer dalam satu cas hidrogen. WK

Status pemain nombor satu di Asia

Rafiq tampil prestasi terbaik

SABRINA SABRE

KELAHIRAN cahaya mata sulung baru-baru ini berjaya melonjakkan motivasi jaguh boling negara, **Muhammad Rafiq Ismail** untuk melakar lebih banyak kejayaan membanggakan pada masa depan.

Bukan sahaja mahu memburu lebih banyak gelaran, juara dunia pada tahun 2018 itu berkata kehadiran anaknya, Muhammad Yusuf membuatkan dia tekad mengekalkan dominasi dalam kalangan pemain boling lelaki peringkat Asia.

“Memang berbeza hidup selepas ada anak cuma walau macam mana pun saya akan cuba menyesuaikan diri dengan situasi sekarang.

“Saya tidak mahu ambil ini (kelahiran anak) sebagai perkara yang membebaskan malah ia memotivasikan diri untuk meraih kemenangan kerana saya percaya rezeki anak ada di mana-mana,” ujar anak keempat daripada lima orang adik-beradik ini.

Berdasarkan ranking Persekutuan Boling Asia, Muhammad Rafiq kini memegang status sebagai pemain nombor satu di Asia buat tahun ketiga berturut-turut sejak 2021 dengan mengumpul 442 mata.

Dalam masa sama, Muhammad



MUHAMMAD RAFIQ memasang impian besar untuk muncul juara dunia suatu hari nanti.

Rafiq berkata selepas melakar sejarah melakukan kejutan membantu skuad boling negara menamatkan kemarau 15 tahun pada Kejohanan Asia di Hong Kong, dia kini bertekad untuk memburu emas pada Kejohanan Dunia di Kuwait November depan.

“Kemenangan pingat emas skuad boling Malaysia pada Kejohanan Tenpin Boling Asia (ATBC) ke-26 baru-baru ini

menjadi pencetus semangat untuk memperbaiki pencapaian kami pada Kejohanan Dunia tahun lalu apabila sekadar berpuas hati dengan pingat gangsa.

“Bagi Kejohanan Dunia pada November nanti, acaranya ialah *team of four*, di ATBC pula *team of five*, ia agak berbeza tetapi saya percaya momentum kami akan kekal sehingga kejohanan tersebut.

“Semasa acara berpasukan

Kejohanan Dunia di Dubai 2021, kami hanya dapat pingat gangsa dan kali ini kami mahu melakukan kejutan untuk melakar kemenangan. Saya yakin kami mampu tuai pingat emas di sana,” ujarnya dia akan memberi fokus untuk menampilkan prestasi terbaik pada Kejohanan Terbuka Malaysia yang berlangsung pada April nanti.

Sebelum ini, Muhammad Rafiq bersama rakan sepasukan

Pencapaian Muhammad Rafiq

2023 - Kejohanan Tenpin Boling Asia (ATBC) ke-26 - Emas

2019 - Southeast Asian Games - Emas

2018 - Kejohanan Boling Lelaki Dunia Hong Kong - Emas

2018 - Asian Games Indonesia - Emas

Syafiq Ridhwan, Mohd Syazirol Shamsudin, Tun Hakim, Timmy dan Ahmad Muaz mencipta sensasi apabila meraih pingat emas acara lelaki lima berpasukan dengan melakukan 7,323 jatuhan pin pada ATBC baru-baru ini.

Atlet kelahiran Selangor itu turut beraksi cemerlang mengungguli acara *Masters* lelaki selain skuad negara menyapu bersih acara *All Event* lelaki dengan dia membuat jatuhan pin tertinggi sebanyak 6,128 bagi meraih emas.

Kemenangan itu menyaksikan skuad negara menutup cabaran di Hong Kong dengan membawa pulang empat pingat emas, lima perak dan tiga gangsa. **WK**

Jom sertai PIPR 2024

PUTRAJAYA

merupakan salah satu lokasi paling sinonim dalam kalangan peminat sukan berbasikal. Selain untuk kesihatan tubuh badan, berbasikal sambil melihat keindahan panorama indah di kawasan tersebut dapat menenangkan fikiran.

Sehubungan itu, bagi merencanakan lagi aktiviti berbasikal, Perbadanan

Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif mengadakan Putrajaya Inter-Park Ride (PIPR) 2024 pada 25 Februari ini bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program yang bermula dari pukul 7 hingga 11 pagi itu dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran



untuk merencanakan industri pelancongan di Putrajaya melalui pelancongan sukan berkonsepkan *fun ride* dengan jarak sejauh 24 kilometer.

“Buat mereka yang berminat untuk menyertai acara ini, yuran pendaftaran akan dikenakan sebanyak RM50 (dewasa) manakala bagi 300 peserta

terawal hanya perlu membayar RM40 sahaja,” ujarnya syarat penyertaan terbuka kepada peserta berumur 13 tahun dan ke atas.

Sila layari laman sesawang <https://red-adventure.com/pipr/> untuk mendaftar. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi di talian **016-352 3653**. **WK**

masyarakat ke atas penggunaan taman untuk kegiatan fizikal, terapi tekanan dan menyembuhkan penyakit, selain menjadi tempat bagi komuniti dewasa dan kanak-kanak berinteraksi serta meneroka kekayaan alam sekeliling dengan berkonsepkan *Healthy Park, Healthy People*.

“Dalam masa sama, ia juga diadakan bertujuan



PASUKAN Arka muncul juara dalam Kejohanan Badminton WiPers Bersama Media.

Badminton MSWP erat hubungan

SERAMAI 48 peserta beraksi pada Kejohanan Badminton WiPers Bersama Media yang julung kalinya dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) di Putrajaya, baru-baru ini.

Kejohanan tersebut turut mendapat kerjasama daripada kakitangan MSWP serta dua pasukan jemputan iaitu Perbadanan Putrajaya (PPj) serta Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan Wilayah Persekutuan (KESWIP).

Pengarah MSWP, **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh** berkata pihaknya berterima kasih dan berpuas hati dengan penyertaan daripada pelbagai agensi media yang turut serta pada kejohanan itu.

“Program kali ini adalah program riadah pertama saya bersama rakan-rakan daripada agensi media. Saya

mengharapkan hubungan yang lebih erat antara MSWP dan juga agensi media yang banyak memberi sokongan kepada kami,” ujarnya yang turut berkesempatan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu, pasukan Arka yang terdiri daripada Mohd Shamsul Kamar Ahmad (MSWP), Muhammad Amir Azhar (NSTP), Harlina Jamil (MSWP), Zaki Zainal (Astro Arena), Tengku Muhamad Idham Tengku Mansor (RTM) dan Muhammad Fadzlul Khairul Nurial Said (PPj) muncul juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM900.

Antara agensi media yang turut serta ialah Harian Metro, NSTP, Astro Arena, RTM, Utusan Malaysia, Kosmo, Media Prima dan Flash Sukan. **WK**



SKSPS kurang beban anak seni

PENYANYI dan pelakon yang semakin meningkat naik, **Afieq Shazwan**, 27, berharap lebih ramai selebriti terutamanya yang masih muda mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

"Sebagai pelakon saya sedar kepentingan caruman di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ini kerana kami selalu bergerak ke mana-mana sahaja mengikut lokasi yang telah ditetapkan oleh produksi dan tentunya malang tidak berbau.

"Ketika sesi penggambaran luar pula pastinya pelakon dan kru produksi berisiko atau terdedah kepada sebarang kemungkinan yang tidak diinginkan," katanya mengakui lebih baik sediakan payung sebelum hujan.

Memahami tanggungjawab serta cabaran sebagai pelakon, Afieq atau nama sebenarnya Mohammad Shafieq Shazwan Zamros berharap rakan-rakan artis tidak mengabaikan kepentingan caruman PERKESO.

Inisiatif SKSPS amat bersesuaian kepada anak seni termasuk kru dan pekerja belakang tabir untuk kerana pencarum boleh menikmati lapan faedah yang disediakan merangkumi perubatan, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, pengurusan mayat, kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional dan sebagainya.

"Berdasarkan pengalaman sebagai pelakon, apa yang saya tahu, ada kru kemalangan di lokasi ketika pergi atau balik kerja namun sebahagian daripada mereka tidak mempunyai insurans kerana bekerja secara bebas dan tiada pendapatan tetap.

"Dalam masa yang sama, ada di antara mereka juga tidak mampu membeli insurans kerana faktor kewangan dan mempunyai komitmen lain yang patut diutamakan.

"Jadi, sebagai langkah berjaga-jaga, kita perlu memperuntukkan sedikit kewangan sebagai perlindungan diri agar kehidupan lebih terjamin," luahnya lega apabila bayaran bulanan insurans tersebut amat berpatutan.

Menyentuh soal lakonan, Afieq muncul dalam drama bersiri Rampas Cintaku 2 yang kini bersiaran di platform Iqiyi bersama Fasha Sandha, Erra Fazira, Keith Foo dan Puteri Balqish. **WK**



Azharina elak isu sensitif

DEEL ANJER

MEDIA sosial merupakan medium penyampaian maklumat dengan pantas selain mampu menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Namun, ia boleh menjadi perosak jika platform ini digunakan untuk memainkan isu berunsur 3R (kaum, agama, raja) untuk kepentingan diri dan sebagainya.

Berkongsi pandangan terhadap perkara tersebut, penyanyi **Azharina** menyeru rakyat Malaysia agar bersikap matang demi menjaga keharmonian dan perpaduan negara yang telah terbina sejak dahulu lagi.

"Kita bebas luahkan apa yang kita rasa atau pendapat tetapi dalam masa yang sama perlu menjaga batas-batas sensitiviti antara kita. Jangan ingat bebas, boleh cakap apa sahaja terutamanya yang menyentuh sensitiviti dalam masyarakat.

Pelantun lagu Elegi Sepi dan Seandainya ini ini mengaku 'seram' apabila terbaca komen-komen netizen yang boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan mereka.

"Kadang-kadang penggunaan perkataan itu menyebabkan ada yang sakit hati dan ia menimbulkan perbalahan. Meskipun mereka bertelingkah

dalam media sosial, ia lebih bahaya kerana komen-komen dapat dibaca oleh semua orang," ujarinya banyak isu semasa lain yang lebih sesuai dibincangkan.

Perkara ini juga mengingatkan Azharina ketika membesar di Sabah. Menurutnya, masyarakat di sana sangat menghormati budaya, kaum dan agama dalam komuniti mereka.

"Jadi kita perlu elakkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan keharmonian ini. Kalau rasa tak suka dengan isu tersebut, tak perlu tinggalkan komen yang terlalu emosi. Diam itu lebih baik," nasihatnya.

Berkongsi tentang impian pada tahun ini, Azharina akan memberi fokus terhadap pelancaran *single* terbaharunya yang sering tertangguh disebabkan masalah yang tak dapat dielakkan.

"Untuk pengetahuan semua, sebenarnya saya rakam dua kali lagu tersebut. Saya harap lagu yang bakal dilancarkan ini juga disukai oleh anak-anak muda.

"Pasti semua peminat akan terkejut genre yang dibawa kali ini jauh berbeza daripada sebelum ini. Jadi semua peminat kenalah tunggu," katanya yang bakal berduet bersama artis Singapura tidak lama lagi. **WK**



Beri ruang individu berbakat

SABRINA SABRE

KOMPOSER lagu Dawai, **Hendro Djasmoro** mengakui bakat nyanyian dan personaliti adalah syarat utama yang perlu diberi perhatian untuk bergelar selebriti berbanding rupa paras. "Cantik atau tampan itu bonus tetapi sebagai seorang komposer, saya mencari bakat. Kita mempunyai ramai penyanyi yang baik tetapi tidak tahu ke mana ingin mengembangkan bakat ditambah pula dengan stigma tertentu, ruang dan peluang mereka kabur.

"Seharusnya penerbit dan stesen televisyen memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada individu yang betul-betul layak dan berpotensi besar untuk mewarnai arena seni tempatan.

"Selain itu, disiplin dan personaliti diri

juga memainkan peranan penting. Ada sahaja antara mereka yang boleh menyanyi dan mempunyai rupa tetapi tidak menerapkan disiplin dalam diri," ujarinya.

Dalam pada itu, dia berkata tidak dinafikan pakej yang menarik juga penting dalam mempengaruhi masyarakat namun untuk menidakkan bakat seseorang individu dek kerana tidak mempunyai fizikal yang menarik harus ditepis sekerasnya.

Mengulas lanjut mengenai pemilihan Fadhillah Intan sebagai penyanyi lagu Dawai, Hendro berkata ia disebabkan bakat luar biasa yang dimiliki penyanyi tersebut.

"Saya memberanikan diri untuk menghubunginya di *Instagram* dan pada akhirnya dia bersetuju untuk menyanyikan *single* pertama saya itu.

"Fadhillah mempunyai kualiti suara yang baik serta vokal yang bagus selain aura tersendiri," ujarinya tidak menyangka lagu pertama yang dihasilkannya berjaya mencetuskan fenomena dengan mencatat 39 juta tontonan di *YouTube*.

Memilih genre pop untuk sentuhan lagu solo pertama tersebut, dia berharap lagu yang dihasilkan dekat dengan jiwa setiap pendengar kerana ia menceritakan mengenai diri setiap individu yang mempunyai pelbagai cabaran dan dugaan dalam hidup.

"Dalam masa yang sama, ia juga

dihasilkan mengikut situasi dan gambaran kepada jalan cerita filem Air Mata Di Ujung Sajadah. Perkataan dawai itu membawa maksud tali gitar dan kalau diperhatikan melalui lirik lagunya, ia menggambarkan situasi bermain muzik yang pastinya pemain ingin menghasilkan bunyi yang indah.

"Namun, ada hari yang mana petikan itu akan sumbang dan itu diibaratkan kehidupan yang tidak semuanya lancar. Setiap orang mempunyai masalah tersendiri, lagu ini secara tidak langsung mengajar kita untuk terus kuat dalam menempuh apa sahaja cabaran," ujarinya.

Menyimpan hasrat untuk bekerjasama dengan maestro muzik Malaysia, Hendro menyifatkan Malaysia sebagai rumah kedua dan tidak akan melepaskan kesempatan jika diberi peluang merakamkan lagu di negara ini.

"Sudah pasti saya memasang impian tentang perkara itu. Ia bakal menjadi pengalaman indah tetapi banyak aspek harus dipertimbangkan disebabkan ia membabitkan dua negara.

"Pemilihan karya sama ada bersesuaian atau tidak juga adalah penting. Ini kerana setiap penyanyi memiliki kemampuan tersendiri dan genre muzik berbeza," ujarinya yang bakal mengeluarkan beberapa runut bunyi dalam masa terdekat. **WK**



Silat di Masjid Nabawi

Tujuan baik perlu dengan ilmu pengetahuan

ISU sekeluarga yang mempamerkan seni silat di perkarangan Masjid Nabawi, Madinah baru-baru ini adalah baik namun ia tidak sesuai dan perlu dilakukan dengan ilmu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **Dr Zulkifli Hassan** berkata apabila melihat kepada sesuatu isu, kita perlu memahami latar belakangnya mengapa ia berlaku.

“Untuk berlaku adil, saya perlu *husnudzhon* (bersangka baik) kerana saya tidak arif tentang kenapa dan mengapa perkara itu terjadi.

“Tetapi mungkin tujuan yang dilakukan itu sangat baik iaitu untuk memperkenalkan budaya negara kita di Madinah.

“Namun begitu apa yang penting bahawa setiap tindakan perlu diselarikan dengan ilmu pengetahuan kerana apabila kita melakukan sesuatu di luar negara, kita perlu tahu tentang budaya, masyarakat dan undang-undang negara tersebut,” kata beliau.

Jelas Zulkifli, Islam sangat menekankan mengenai Fiqh *al-Ma’alat* atau Fiqh Implikasi iaitu apa yang kita buat apakah yang akan berlaku.

“Setiap perbuatan mempunyai implikasi tertentu yang akan berlaku dan kita juga perlu memahami Fiqh *Aulawiyat* iaitu meletakkan keutamaan terhadap sesuatu perkara sebelum mengambil atau membuat apa jua tindakan.

“Selain itu, dalam Islam, kita perlu tahu mengenai Fiqh *Al Mizan* atau Fiqh Seimbang dan dalam konteks ini, ia berkait rapat dengan Fiqh Implikasi,” katanya.

Kata Zulkifli beliau melihat terdapat kemungkinan perbuatan tersebut itu disebabkan tidak mempunyai ilmu pengetahuan sehingga menimbulkan rungutan dan kecaman dari pelbagai pihak.

“Oleh kerana niatnya baik, secara tidak langsung menerusi penulisan video tersebut ia telah mencipta imej yang menimbulkan risiko kepada mereka,” kata

beliau.

Zulkifli turut menasihati semua pihak yang mempunyai niat melakukan sesuatu yang baik, pastikan ia datang dengan ilmu selain perlu peka terhadap implikasi daripada perbuatan itu.

“Bagi pengecam pula iaitu mereka yang cepat mengecam dan pembuli siber, kita perlu memberi nasihat agar tidak mewujudkan satu situasi tidak aman dalam kalangan masyarakat.

“Mungkin dalam konteks ini kita boleh panggil mereka dan dapatkan penjelasan dan mereka mungkin memohon maaf terhadap kesilapan tersebut.

“Jadi apa-apa yang kita lakukan itu bukan dengan kaedah kekerasan seperti kata-kata pejuang kulit hitam, Marthin Luther, jika kita hendak melawan kegelapan atau keburukan ia tidak boleh dilawan dengan kegelapan kena lawan dengan cahaya, jika hendak melawan kebencian, ia perlu dilawan melalui kasih sayang,” katanya. **WK**



Malaysia lonjak kedudukan CPI 2023

MALAYSIA mencatatkan peningkatan dalam ranking rasuah global kepada tangga 50 mata berbanding 47 mata pada 2022 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang dikeluarkan Transparency International (TI).

Menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang diumumkan Transparency International Malaysia (TI-M) pada Selasa, penambahan mata itu telah melonjakkan negara di kedudukan ke-57 daripada keseluruhan 180 negara berbanding tangga ke-61 pada CPI 2022.

Presiden TI-M, **Dr Muhammad Mohan** berkata tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam pendakwaan dan siasatan terhadap dua bekas Perdana Menteri merupakan antara faktor yang mendorong kepada peningkatan skor CPI.

“Malaysia naik ke kedudukan ke-40 dalam Indeks Demokratik oleh Unit Perisikan Ekonomi pada 2022 dengan skor 7.3/10.

“Walaupun wujud ketidakstabilan politik, namun penyertaan pengundi lebih tinggi disebabkan oleh Undi-18.

“Peralihan kuasa yang lancar selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dan PRU15, menunjukkan bahawa prinsip demokrasi masih wujud dan dihormati,” katanya dalam sidang media TI-Malaysia baru-baru ini.

Jelas Muhammad, pihaknya turut mencadangkan beberapa langkah untuk negara meningkatkan kedudukannya

dalam CPI termasuk mempercepatkan pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya serta mengakhiri pelantikan politik untuk jawatan-jawatan di agensi-agensi berkaitan kerajaan.

“Jadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) lebih bebas. Sebagai contoh, ketika ini, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor perdana menteri,” katanya.

Beliau berkata TI-M juga ingin melihat perdana menteri dikeluarkan daripada fungsi pemilihan dan tempoh jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM, sebaliknya diuruskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

“Kita juga ingin melihat pindaan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Rasuah 2010 kerana undang-undang itu kini mempunyai kelemahan dan kekurangan.

“Pada tahun 2023, skor itu melantun semula. Terdapat lantunan tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Ia meningkat tiga mata pada 2023, jadi apa yang boleh dikatakan adalah ia memberi kita harapan,” katanya.

Sementara itu Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekod skor 83, dan berada di tangga kelima daripada 180 negara dalam kalangan negara ASEAN.

Denmark pula berada di tangga pertama dengan skor 90 mata CPI 2023 diikuti Finland (87 mata) dan New Zealand (85 mata). **WK**